

Jilid II
Bil. 41



Hari Isnin
29hb Oktober, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti Y.B. Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa—Kebenaran
[Ruangan 5925]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5925]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 [Ruangan 5958]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1985 [Ruangan 5958]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).**
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).**
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).**
- „ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).**
- „ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).**
- „ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**
- „ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).**
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).**
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).**
- „ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).**
- „ Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).**

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN Oo GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.N. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).

- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok)
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).

Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).

- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K., (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

- Yang Berhormat **TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.**
(Baling).
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.**
(Balik Pulau).
- „ **TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).**
- „ **TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,**
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang
Terap).
- „ **TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).**
- „ **TUAN TAN KOK HOUI (Padang Serai).**
- „ **DR TAN SENG GIAW (Kepong).**
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**
- „ **TUAN TING LING KIEW (Bintulu).**
- „ **WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).**
- „ **WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).**
- „ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- „ **TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).**
- „ **TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).**
- „ **DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.**
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 29hb Oktober, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN
TIMBALAN YANG
DI-PERTUA

CUTI Y.B. DATO'
SRI HAJI KAMARUDDIN
BIN HAJI MOHD. ISA—
KEBENARAN

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya, mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, telah dibenarkan cuti di bawah Perkara 52, Perlembagaan kepada Yang Berhormat Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa dari 29hb Oktober, 1984 hingga 2hb November, 1984.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

TABUNG DARAH—
CUTI KHAS KEPADA
PENDERMA DARAH

1. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri

Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa simpanan darah yang mencukupi dalam Tabung Darah di tiap-tiap hospital seluruh negara adalah sangat penting dan mustahak. Jika sedar, kenapakah penderma-penderma darah dari kakitangan Perkhidmatan Awam dan swasta tidak lagi diberi cuti khas sehari semasa menderma darah sejak tahun 1976.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya menyedari akan pentingnya darah di dalam pengurusan yang betul untuk kategori pesakit-pesakit yang mengidap penyakit tertentu.

Kementerian saya telah memberi keutamaan yang tinggi kepada perkembangan perkhidmatan pemindahan darah di seluruh negara dan Pusat Perkhidmatan Pemindahan Darah Kebangsaan telah ditubuhkan dalam tahun 1972. Di bawah panduan teknikal dan pengawasan perkhidmatan tabung darah itu, perkhidmatan ini telah berkembang dengan pesatnya di seluruh negara.

Merujuk kepada soalan yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai penarikan cuti khas sehari kepada penderma darah, kebiasaannya tiada cuti istimewa diberikan setelah menderma darah. Cuti seperti itu tidaklah perlu kerana penderma darah itu adalah suatu yang selamat dan sihat. Namun demikian, penderma-penderma darah yang terlibat dalam pekerjaan yang

membahayakan, seperti pekerja-pekerja pembinaan, juruterbang dan sebagainya biasanya diberi masa rihat (time-off) selepas menderma darah, bila cuti "time off" seperti itu diperlukan (indicated). Ini adalah dalam budibicara doktor yang berkenaan.

Kebelakangan ini, malangnya orang ramai telah menganggap bahawa bilangan penderma-penderma darah telah menurun oleh kerana penderma-penderma tidak diberi cuti sakit. Maklumat yang didapati dari Pusat-pusat Tabung Darah menunjukkan bahawa di antara tahun 1980 dan 1983, terdapat peningkatan jumlah penderma darah sebanyak 20% dan darah yang didermakan juga meningkat dari 99,598 pint dalam tahun 1982 kepada 118,950 pint dalam tahun 1983. Keadaan ini adalah menggalakkan walaupun kita masih belum mencapai tahap penderma yang boleh dikatakan cukup.

Saya suka juga memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa akhir-akhir ini terdapat banyak badan-badan sukarela yang tampil ke hadapan untuk membantu kita dalam kempen menderma darah secara besar-besaran. Terdapat pada waktu tertentu di mana tabung darah kita mengalami kekurangan darah seperti pada hari-hari perayaan dan pada bulan puasa. Pusat Tabung Darah kita sentiasa merancang dan membuat persediaan terlebih dahulu untuk keadaan-keadaan seperti itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan tidak hadir).

RASUAH—MENGHAPUSKAN

3. Tuan Sim Kwang Yang: minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) apakah program-program berkesan yang telah dilancarkan

oleh Kerajaan untuk menghapuskan rasuah di Malaysia;

- (b) menyatakan sama ada beliau telah berjaya "Putting the fear of God" dalam hati orang-orang yang berasuah seperti dijanjikannya apabila memegang jawatan Perdana Menteri; dan
- (c) sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Di Raja ke atas rasuah untuk mengkaji betapa luasnya rasuah negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):
Tuan Yang di-Pertua,

(a) Di antara program-program yang dirangka oleh Kerajaan untuk menghapuskan rasuah di negara ini adalah seperti berikut:

(1) Menyusun semula struktur organisasi Badan Pencegah Rasuah (BPR) supaya ianya dapat berjalan dengan lebih kemas, rapi dan menyeluruh. Dahulu umpamanya, Badan ini dipanggil Biro Siasatan Negara dengan tidak menggambarkan fungsi penyiasatan rasuah sahaja.

(2) Bagi meningkatkan pembanterasan rasuah di peringkat Negeri, Pejabat BPR Negeri Kedah/Perlis telah diasingkan dengan tertubuhnya sebuah Pejabat BPR Kangar, Perlis, seperti juga yang ada di negeri-negeri yang lain. Juga beberapa buah pejabat cawangan BPR telah

ditubuhkan di negeri-negeri seperti berikut:

Johor—cawangan di Batu Pahat

Pahang—cawangan di Raub

Perak—cawangan di Taiping

Sarawak—cawangan di Miri dan Sibul

Sabah—cawangan di Sandakan dan Tawau.

- (3) Menambah latihan-latihan profesional atau latihan-latihan khusus bagi semua peringkat Pegawai-pegawai BPR yang menjalani pelbagai kursus (courses).
 - (4) Mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti perisikan untuk membolehkan badan ini mengumpul maklumat-maklumat yang lebih tepat, bernas dan bermutu.
 - (5) mengisi jawatan-jawatan yang diwujudkan dalam Perkhidmatan BPR dengan pegawai-pegawai yang lebih sesuai.
 - (6) mempergiatkan usaha-usaha untuk memberi kesedaran kepada rakyat tentang bahaya perbuatan rasuah melalui ceramah-ceramah, majlis-majlis perbincangan dan bengkel-bengkel kerja serta juga melalui mass media.
- (b) Badan Pencegah Rasuah telah menangkap seramai 601 orang pegawai Kerajaan, 346 orang awam dan 6 orang ahli politik di antara tahun 1981 hingga bulan September 1984. Bolehlah saya katakan, di atas kegigihan dan kesungguhannya bertindak membanteras rasuah itu, BPR

telah berjaya menimbulkan perasaan takut, kesedaran dan keinsafan bukan sahaja di kalangan mereka yang pernah melakukan rasuah tetapi juga di kalangan mereka yang belum atau baru hendak berjinak dengan rasuah supaya tidak melakukan perbuatan yang terkutuk itu. Bilangan tangkapan yang semakin meningkat hasil orang ramai memberi maklumat dan kecekapan pegawai-pegawai maka BPR telah berjaya menimbulkan kesedaran dan deterrent di kalangan orang-orang yang hendak memberi rasuah kepada pegawai-pegawai Kerajaan atau anggota pentadbiran pada masa hadapan. Berdasarkan kepada hakikat ini, BPR telah berjaya saya quote, "Putting the fear of God", dengan izin, di hati orang-orang yang mungkin memberi dan menerima rasuah.

- (c) Kerajaan pada masa ini tidak bercadang menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Di Raja untuk mengkaji betapa luasnya amalan rasuah yang berlaku di negara ini, oleh kerana Kerajaan adalah sedia maklum keadaan sebenar rasuah di negara ini menerusi maklumat dan kajian-kajian yang dibuat oleh Kerajaan dan pihak BPR sendiri.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai usaha pihak Kerajaan untuk membanteras masalah rasuah di negara kita, bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu nama-nama, identiti-identiti, jawatan-jawatan 3 orang ahli UMNO yang ditangkap oleh BPR pada 16hb Oktober iaitu hari ini di kapal terbang di Penang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh dikecualikan dari menjawab soalan itu.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa Kerajaan telah menyusun semula organisasi BPR. Jadi, bolehkah Yang Berhormat memberitahu sedikit sebanyak di Dewan ini semasa mengkaji semula itu apakah kelemahan-kelemahan yang didapati pada masa yang lepas.

Kedua sepanjang perjalanan BPR adakah terdapat pegawai-pegawai BPR sendiri yang terlibat di dalam kegiatan rasuah dan bagaimana BPR itu sendiri mengkaji kewibawaan pegawai-pegawai BPR itu sendiri.

Akhir sekali, apakah kriteria-kriteria penting yang digunakan oleh pihak Kerajaan untuk memilih ataupun melantik pegawai-pegawai yang berkhidmat di dalam BPR.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, pada waktu dahulu bidang BPR ini di bawah BSN adalah terlalu luas kerana ia tidak menggambarkan nama suatu badan khusus yang mempunyai tanggungjawab untuk membanteras rasuah. Sekarang ini, badan itu menumpukan segala usahanya terhadap membanteras rasuah.

Saya juga ingin mengatakan di sini bahawa, selepas kita menyusun semula, mengkaji dan membawa beberapa perubahan di dalam BPR, pihak Kerajaan sangat yakin mengenai kewibawaan pegawai-pegawai yang bertugas di dalamnya sekarang, dan sebagai kriteria pemilihan seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya ingin mengatakan bahawa pada waktu mula-mula badan ini diwujudkan memang pada waktu itu kita

mengambil pegawai-pegawai yang kita anggap boleh melaksanakan tugas di dalam badan ini.

Akhir-akhir ini oleh kerana wujudnya keadaan yang lebih matang dan BPR telah mengetahui segala selok belok tugas-tugasnya dan sambil pegawai-pegawai kanan kita yang lebih terlatih didedahkan dalam perkara membanteras rasuah maka kita sudah dapat memiliki pegawai-pegawai yang lebih specialised dan bagi pegawai-pegawai yang kita pilih untuk masuk akhir-akhir ini kita dapat lebih banyak lagi permohonan-permohonan daripada mereka yang lebih lulus dan mempunyai kemampuan, kelulusan yang tinggi untuk menjadi pegawai di dalam BPR dan walaupun demikian pihak Kerajaan pula memproses pemohon-pemohon yang lebih ramai dan dengan itu kita mencari pegawai-pegawai yang benar-benar sesuai, dedikasi dan mempunyai aptitude yang kena untuk bertugas di Badan Pencegah Rasuah.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Dalam jawapan Menteri sebentar tadi ada menyebutkan bahawa seramai 601 orang pegawai telah ditangkap oleh BPR. Suka saya kalau dapat Menteri memberitahu daripada 601 orang ini mengikut angka kaum pegawai bumiputera dan bukan bumiputera, apa yang saya dapat tahu kebanyakan atau majoritinya pegawai bumiputera, kenapa pegawai bukan bumiputera sedikit.

Kedua, tentang perbelanjaan kewangan yang digunakan oleh BPR ini kalau dapat Menteri memberitahu, kerana saya dapat tahu Badan Pencegah Rasuah ini kalau mendapat surat layang pun perkara itu akan disiasat tetapi perbelanjaan pegawai itu menjalankan tugas-tugasnya akan dituntut daripada Kerajaan. Tidakkah ini membazir dan sebagainya.

Ketiga, saya ingin tahu apakah garis-garis panduan yang dapat ditentukan supaya mereka yang ditangkap dan dihukum itu tidak teraniaya kerana saya juga dapat tahu ada di antaranya kerana sakit hati dan sebagainya, pegawai yang berkenaan itu tidak pun bersalah tetapi oleh kerana sesuatu sebab mereka telah dihukum.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah badan yang bebas sebenarnya BPR tidak menyiasat mengikut kaedah-kaedah kaum kerana dalam kita membanteras rasuah, PBR tidak kenal bulu. Saya tidak dapat memberi angka-angka berapa yang tergolong kepada satu-satu kaum tetapi sekiranya secara kebetulan lebih ramai yang diambil tindakan daripada satu kaum, ini merupakan suatu kebetulan sahaja.

Sebaliknya pula, jika badan ini ingin melaksanakan suatu tugas yang meneliti dan menyeluruh seperti yang saya katakan tadi maka sudah tentulah sesuatu perkara itu perlu disiasat dengan teliti maka tugas ini perlu dilaksanakan tanpa kita mengira had perbelanjaan. Kalau kita kurang yakin bahawa ianya melibatkan perbelanjaan maka mungkin sesuatu siasatan itu tidak dapat diteruskan secara sehingga ke pangkal jalan.

Dari segi garis panduan Yang Berhormat ada mengatakan apakah langkah-langkah yang boleh dilaksanakan supaya seseorang itu tidak teraniaya. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa pegawai-pegawai diberi panduan tertentu untuk melaksanakan risikan dan seterusnya menyiasat dan laporan-laporan siasatan ini akan dinilai dan diberi penentuan sama ada tindakan seterusnya perlu dilakukan dan satu daripada tindakan seterusnya selepas keputusan dibuat ialah merujuk kepada mahkamah. Jadi, keadilan sebenar akhirnya bergantung kepada

keputusan mahkamah kerana BPR melaksanakan tugas merisik dan menyiasat sambil mengumpulkan butir-butir yang cukup sebelum sesuatu tindakan itu diserahkan untuk dihadapkan ke pengadilan.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah soalan tambahan bagi Soalan ke 3. Tuan Haji

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah dia takut soalan-soalan rasuah di Dewan yang mulia ini? (*Disampuk*) Rasuah satu perkara yang penting khususnya rasuah pemimpin-pemimpin UMNO dalam Pulau Pinang. Saya mahu tanya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Kalau kita mahu tutup perkara rasuah (*Disampuk*) sangatlah dikesali. Tak pernah berlaku semacam ini (*Disampuk*). Awal-awal saya ada berdiri.

Dato' K. Pathmanaban: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order itu pandai sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada Peraturan Mesyuarat 21 (3) yang berbunyi dan saya baca khusus khas untuk perhatian Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Peraturan Mesyuarat berkenaan berbunyi:

“21 (3) Tujuan yang sebenarnya mengeluarkan sesuatu pertanyaan ialah kerana mendapatkan penerangan berkenaan dengan sesuatu perkara hakikat yang dalam pengetahuan istimewa ahli yang diarahkan pertanyaan itu.”

Pada pendapat saya, beberapa perkara hakikat yang telah disentuh adalah meliputi dan memadai bagi menjawab soalan yang No. 3, maka kita terus kepada soalan yang keempat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua mana tahu apa saya mahu tanya. Kalau masa (*Disampuk*) Soal Jawab ditutupkan semacam ini akan hilang makna dan erti Soal Jawab. Tak boleh—ini salah guna kuasa. (*Disampuk*) Itu pandailah.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang keempat.

RASUAH DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN

4. **Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Perdana Menteri menyatakan tindakan yang diambil untuk menghapuskan rasuah di jabatan-jabatan Kerajaan terutama JKR, JPJ, Kastam, Polis dan lain-lain yang banyak dilaporkan dalam akhbar-akhbar tempatan. Pernahkah Kerajaan menyiasat sama ada harta benda yang dimiliki oleh Pegawai-pegawai dalam jabatan-jabatan yang terlibat dengan rasuah itu berpatutan dengan gaji yang mereka terima. Jika tidak, apakah usaha-usaha lain yang dijalankan untuk menentukan agar kakitangan Kerajaan benar-benar bersih daripada rasuah.

Dato Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Lim Kit Siang: Ha, protes tak guna ini. Apa Dewan (*Disampuk*) (*Tuan Lim Kit Siang keluar Dewan*).

Timbalan Yang di-Pertua: Sila jawab Yang Berhormat soalan yang keempat.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Terima Kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa memandang berat terhadap masalah rasuah. Usaha-usaha sentiasa dibuat untuk mengawal, mencegah dan seterusnya menghapuskan segala bentuk perbuatan rasuah sama ada yang berlaku di jabatan-jabatan Kerajaan, sektor swasta mahupun di dalam sesuatu persatuan atau pertubuhan. Mengenai rasuah di jabatan-jabatan Kerajaan, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan tegas untuk membanterasnya dan langkah-langkah seperti berikut telah dibuat:

- (a) menjalankan siasatan ke atas para pegawai yang disyaki melakukan rasuah dari semasa ke semasa;
- (b) menangkap dan mendakwa mereka yang melakukan rasuah;
- (c) mengemukakan laporan-laporan tatatertib mereka yang melakukan rasuah kepada Lembaga-lembaga Tatatertib yang berkaitan untuk diambil tindakan lanjut;
- (d) mengadakan sesi-sesi ceramah pencegahan rasuah dari semasa ke semasa khusus untuk menyedarkan pegawai-pegawai Kerajaan mengenai keburukan rasuah, menanam semangat di kalangan mereka untuk membenci segala bentuk rasuah dan seterusnya mendapatkan kerjasama mereka untuk memerangi rasuah.

Kerajaan juga telah mengenakan peraturan mengisytiharkan harta semua kakitangan awam dalam Kumpulan "A" hingga "C" iaitu mereka dikehendaki melaporkan harta-harta alih dan tak alih kepunyaan mereka, isteri-isteri mereka, anak-anak mereka ataupun yang dipegang oleh orang lain bagi pihak mereka. Peraturan-peraturan mengisytiharkan harta oleh pegawai-pegawai awam ada dinyatakan dalam

Perintah Am Bab 'D' (Kelakuan dan Tata tertib) 1980, dan juga Pekeliling-pekeliiling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1981, 2 Tahun 1984, 3 Tahun, 1984 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1984.

Dari harta-harta yang dilaporkan itu, kajian yang teliti akan dibuat untuk memastikan sama ada harta yang diperolehi itu berpatutan dengan pendapatan mereka.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bahawa selama hari ini kita dengar Badan Pencegah Rasuah menangkap orang-orang yang menerima rasuah. Saya hendak tahu berapa ramai pula orang yang ditangkap kerana memberi rasuah?

Yang Kedua, Jabatan Kastam ada memberi hadiah-hadiah kepada orang yang memberi maklumat hingga tertangkapnya orang-orang yang menyeludup. Adakah pihak Badan Pencegah Rasuah memberi hadiah kepada mereka yang memberi maklumat tentang rasuah ini sama ada memberi atau menerima?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ia memerlukan angka dan penerangan-penerangan yang khusus, saya perlu notis menjawab di sini.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah benar penyakit rasuah sekarang telah begitu menular dalam masyarakat kita sehingga telah menjadi satu hakikat yang sudah serius yang akan menggugat keunggulan ataupun kekuatan sendi-sendi pentadbiran negara kita dan sekiranya benar ataupun tidak benar, saya ingin juga mendapat tahu apakah pihak Kerajaan bercadang untuk

mengadakan satu gerakan kempen anti rasuah, umpamanya mengadakan bulan ataupun minggu anti rasuah untuk orang ramai turut sama terlibat dalam memerangi penyakit rasuah ini.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, kempen anti rasuah ini dilaksanakan hari-hari pada bila-bila masa tanpa mengira bahawa ianya perlu diwujudkan bagi sesuatu masa, seperti yang saya jawab terdahulu daripada ini, kita menggunakan risalah, memberi ceramah dan sentiasa mengingatkan masyarakat melalui mass-media akibat tentang rasuah ini.

Saya ingin menyangkal pendapat yang mengatakan rasuah ini begitu liar berlaku sehingga ianya tidak terkawal. Itulah sebabnya antara jawapan terdahulu daripada ini saya katakan kita tidak perlu menubuhkan umpamanya sebuah Suruhanjaya Di-Raja untuk mengkaji hal ini. Dan saya juga ingin mengatakan bahawa setakat ini ia belum lagi menggugat ataupun menyentuh keunggulan Perkhidmatan Awam kita. Seperti yang kita ketahui kita mempunyai bilangan pegawai-pegawai yang besar, hampir lebih daripada 1/2 juta pegawai-pegawai yang berada di dalam Perkhidmatan Awam dan dalam rangka kita bertindak mengikut angka beberapa tahun yang lalu seperti yang saya sebutkan tadi cuma hanya 601 kes yang tertentu yang dapat kita kesan dengan bukti-bukti sebenar dan mereka dihukum. Jadi peratusan masih lagi kecil dan oleh kerana tindakan-tindakan berterusan ini dilakukan oleh BPR, saya percaya bahawa keadaan ini akan berubah oleh kerana dengan kita melaksanakan tugas-tugas secara profesional, dan dengan adanya kerjasama daripada masyarakat yang memberi maklumat kepada kita maka rasuah dapat dikawal.

Wan Mohamed Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, satu daripada punca rasuah ini berlaku ialah kerana kelambatan di dalam Jabatan-jabatan berkenaan menguruskan sama ada pembayaran ataupun pengambilan lesen dan sebagainya. Jadi apakah setakat ini pihak Kerajaan mengadakan program mempercepatkan bagi Jabatan JKR, JPJ, Kastam, Polis dan lain-lainnya dalam mengeluarkan sebarang permintaan atau permit ataupun pembayaran daripada Jabatan tersebut kepada orang ramai atau kontraktor-kontraktor dengan menggunakan alat-alat moden seperti komputer dan sebagainya.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, dengan terdapatnya beberapa langkah baru yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan perkhidmatan awam, maka dengan sendirinya satu daripada perkara yang boleh diselesaikan ialah kelewatan pembayaran, seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Sebagai contoh umpamanya kita telah dapat mempersepadukan beberapa jenis pembayaran pada satu kaunter dan kita juga selain daripada itu telah membuka peti di mana orang awam boleh membuat aduan kalau terdapat umpamanya satu keadaan kelewatan, perkara ini boleh diadukan dan masalah boleh diselesaikan.

Selain daripada itu kita juga mempunyai sebuah Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri yang memang tugasnya melihat bahawa-bahawa perkara-perkara yang melibatkan kelewatan dan kelambatan pelaksanaan ini tidak berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup soalan tambahan Yang Berhormat.

HOSPITAL—KEKURANGAN KAKITANGAN

5. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar, bahawa kebanyakan hospital-hospital di seluruh negara kita masih sedang menghadapi kekurangan kakitangan di berbagai bidang memandangkan ini adalah pihak Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang positif bagi memperbaiki taraf perkhidmatan hospital-hospital demi kepentingan sosial, serta menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan bagi memperbaiki kedudukan serta perkhidmatan hospital bersalin di Pulau Pinang.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang serupa telah beberapa kali ditanyakan dalam Dewan yang mulia ini dan saya juga telah beberapa kali memberikan jawapannya termasuk pada sesi ini juga. Sukalah saya secara ringkas memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa terdapat 329 doktor-doktor pakar perubatan dalam sistem Kerajaan pada masa ini. Kekurangan pakar-pakar didapati khususnya di dalam disiplin-disiplin yang tidak begitu popular seperti kaji penyakit, perubatan jiwa, bius, radiologi dan sebagainya.

Langkah-langkah yang telah dan terus diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan ini telah juga dijelaskan di dalam Dewan ini dahulu dan saya tidak berhajat untuk mengulanginya.

Berhubung dengan perkara mengenai kekurangan kakitangan-kakitangan yang lain seperti Jururawat terlatih dan Pembantu Hospital buat masa ini bilangannya adalah mencukupi.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya

kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri satu perkara iaitu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyedari bahawa terdapat rungutan di kalangan rakyat bahawa terdapat jurang perbezaan yang besar dan yang berlarutan berhubung dengan penempatan doktor-doktor sama ada dari segi bilangan ataupun dari segi kepakaran di antara hospital-hospital besar di bandar-bandar yang besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh dan Johor Bharu dan yang seumpamanya dengan hospital-hospital daerah dan juga hospital-hospital besar di bandar-bandar seperti Kuantan, Kota Bharu, Kuala Terengganu, dan kalau sedar tentang perkara ini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah langkah-langkah dan bilakah kita akan dapat memperbaiki keadaan yang semacam ini, kalaulah yang rungutan ini betul? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa "distribution" ataupun penempatan pakar-pakar tidaklah sama di antara hospital-hospital di dalam negara kita oleh kerana sebab-sebab yang menasabah. Di Hospital Besar Kuala Lumpur seumpamanya, kita mempunyai rancangan-rancangan latihan untuk doktor-doktor yang muda, termasuk juga doktor yang ingin melanjutkan pelajaran mereka di peringkat "post graduate" dalam beberapa urusan kepakaran yang dipusatkan di Hospital itu dan kerana itu kadar penempatan pakar-pakar di Hospital Besar, Kuala Lumpur adalah lebih sedikit daripada Hospital-hospital Besar yang lain. Tetapi kita sentiasa di Kementerian berusaha untuk mengadakan kadar penempatan yang seimbang di antara Hospital-hospital Besar yang lain.

Adalah benar bahawa kita jarang menempatkan pakar-pakar perubatan di hospital-hospital daerah selain daripada hospital-hospital daerah yang

besar sedikit, seperti Taiping, Muar, atau Sungai Petani dan sebagainya. Di lain-lain tempat, sistem yang kita menggunakan adalah sistem rujukan kepada hospital-hospital besar, suatu sistem yang didapati lebih memuaskan dalam keadaan yang kita menghadapi pada masa ini.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat bagi soalan ini.

PETRONAS—KEJAYAAN DALAM PEMASARAN

6. Tuan Hassan bin Haji Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh Petronas dalam meluaskan khidmat pasarannya dalam dan luar negeri dan bilakah bahan gas yang banyak dalam simpanan itu dapat disalurkan ke seluruh rumah di Malaysia dan untuk tujuan ini berapakah banyak perbelanjaan asas yang akan ditanggung oleh Petronas.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, jumlah minyak mentah yang dieksport oleh PETRONAS dalam tahun 1983 meningkat kepada kasar 196,000 tong sehari dari 173,000 tong sehari dalam tahun 1979. Walaupun dalam suasana di mana keadaan ekonomi dunia merosot dan pasaran minyak mentah dunia "lembab", jumlah eksport minyak mentah PETRONAS tahun ini dijangka akan terus meningkat 27% lagi kepada 249,000 tong sehari. Pembeli-pembeli utama minyak mentah PETRONAS dalam tahun 1984 ialah negara Jepun (31.5%), Singapura (24%), Korea Selatan (14.6%) dan Filipina (10%). Pembeli-pembeli lain termasuk juga negara Brazil, Taiwan dan Australia. Dari angka-angka tersebut nyatalah kemajuan yang dicapai hasil dari usaha-usaha pemasaran PETRONAS.

Di pasaran tempatan pula PETRONAS melalui anak syarikat pemasaran dalam negerinya, PETRONAS Dagangan Sdn. Bhd., sekarang ini memasarkan berbagai jenis bahan-bahan petroleum di seluruh negara. Sejak ia mula memasuki pasaran tempatan dalam tahun 1979, PETRONAS sekarang ini menguasai 20% dari pasaran bahan-bahan petroleum tempatan. Sehingga 30 September 1984, PETRONAS Dagang yang hanya ditubuhkan dalam bulan Ogos 1982 sudahpun mempunyai 55 buah stesen servis dan 20 buah stesen skid serta kira-kira 300 wakil penjual yang beroperasi di seluruh negara.

Berhubung dengan penyaluran gas asli ke rumah-rumah, PETRONAS telah pun melaksanakan sebuah projek perintis di Kerteh, Terengganu. Projek ini adalah sebahagian dari projek Fasa I Penggunaan Gas Semenanjung (PGS) dan melibatkan penyaluran gas asli dari loji memproses gas ke 1,477 buah rumah di Bandar Baru Kerteh, Rantau PETRONAS dan kompleks perumahan sementara PETRONAS. Projek perintis ini dijangka akan siap dalam bulan Disember tahun ini.

PETRONAS juga bercadang untuk menyalurkan gas asli ke Pantai Barat Semenanjung Malaysia di bawah projek Fasa II PGS. Pada mulanya projek ini akan melibatkan penyaluran gas ke stesen-stesen janakuasa utama di Pelabuhan Kelang, Port Dickson, Pasir Gudang dan seterusnya ke Singapura.

Kajian-kajian awal meletakkan anggaran jumlah kos bagi Fasa II Projek PGS berjumlah kira-kira 1.7 ribu juta ringgit. Kesemua perbelanjaan tersebut dijangka akan dibiayai oleh PETRONAS. Walau bagaimanapun, pinjaman dari luar negeri akan diperlukan untuk membiayai sebahagian besar dari perbelanjaan projek tersebut.

Sekiranya projek PGS Fasa II ini dilaksanakan mengikut jadual asal yang telah ditetapkan iaitu pada penghujung tahun hadapan, projek tersebut akan siap dalam tahun 1989. Walau bagaimanapun, memandangkan langkah jimat cermat Kerajaan dan gejala-gejala yang lain dalam perkembangan ekonomi, adalah dijangkakan bahawa jadual pelaksanaan projek PGS Fasa II ini mungkin akan diubah-suaikan.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam perancangan pihak PETRONAS untuk menyalurkan gas daripada Terengganu ke seluruh Semenanjung, adakah pihak PETRONAS mengambil kira sumber-sumber gas yang baru di sebelah Pantai Barat, khususnya di Langkawi seperti yang diumumkan oleh Penasihat PETRONAS baru-baru ini?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah dari semasa ke semasa kita akan menilai punca terdapatnya gas dan seperti yang kita ketahui juga perancangan dari semasa kesemasa, jika perlu, disesuaikan dan sekiranya ini berlaku dan sekiranya benar apa yang dikatakan Ahli Yang Berhormat tadi iaitu di kawasan beliau sudah terdapat sumber gas, jadi kita mengambil pertimbangan juga.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, sebagaimana jawapannya tadi mengatakan bahawa kita banyak mengeksport minyak mentah ke luar negeri. Jadi apakah tidak ada Kerajaan bercadang untuk mengeksport minyak bersih atau minyak yang sudah ditapis dengan tujuan mendapatkan harga lebih tinggi jika dibandingkan dengan mengeksport minyak mentah. Jika

sekiranya ada negara-negara yang ingin minyak bersih apakah pihak Kerajaan bercadang untuk mengeksport minyak bersih ke negara-negara berkenaan?

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita memandangkan bahawa kita merupakan sebuah negara pengeluar minyak yang kecil di peringkat antarabangsa dan sekiranya minyak-minyak ini kita tapis dan membersihkannya seperti yang kita ketahui pasaran tempatan pun memerlukan minyak itu dan memadailah dengan kita mengedarkan di peringkat negara kita sahaja.

Selain daripada itu, mungkin saya tidak dapat pasti sama ada jika kita memproses minyak kita setelah membersihkan dan kita jual di luar oleh kerana setakat yang kita ketahui negara-negara berkenaan hanya membeli minyak-minyak yang belum diproses. Oleh kerana demikian, dalam hal ini kita belum lagi mempunyai rancangan untuk mengeksport minyak-minyak yang telah diproses sehingga bersih.

<i>Tahun</i>	<i>Candu Mentah</i> (kg)	<i>Candu Masak</i> (kg)	<i>Morfin</i> (kg)	<i>Heroin</i> (kg)	<i>Ganja</i> (kg)	<i>Pil</i>
1983.. .. .	110.73	40.6	9.32	200.08	386.37	25,045
1984 (hingga September)	701.76	5.88	6.31	157.12	1,434.79	917

(b) Bilangan pengedar dadah yang ditangkap pada tahun 1983 ialah seramai 363 orang dan pada tahun ini (sehingga bulan September, 1984) seramai 333 orang. Sementara itu penagih-penagih yang telah ditangkap ialah seramai 10,263 orang pada tahun 1983 dan seramai 7,333 orang pada tahun 1984 (sehingga bulan September).

(c) Bilangan penagih-penagih yang dihantar ke pusat-pusat

KEMPEN ANTI DADAH— KEJAYAAN

7. **Tuan Lee Lam Thye** minta Perdana Menteri menyatakan sehingga hari ini apakah hasil positif yang telah dicapai dalam kempen anti dadah kebangsaan dengan memberi butir-butir jumlah dadah yang dirampas, bilangan pengedar dadah dan penagih yang ditangkap, bilangan yang dihantar ke pusat pemulihan di samping bilangan pengedar dadah yang menerima hukuman gantung atau penjara seumur hidup.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kempen Anti Dadah Kebangsaan telah dilancarkan pada 19hb Februari, 1983 yang lalu. Hasil-hasil positif yang telah dicapai dapat dilihat dari butir-butir yang berkaitan seperti berikut:

(a) Jumlah dadah yang dirampas mengikut pecahan jenis bagi tahun 1983 dan 1984 (sehingga bulan September) ialah:

pemulihan ialah seramai 2,094 orang pada tahun 1983 dan seramai 418 orang pada tahun 1984 (Sehingga bulan Ogos).

Dari semenjak hukuman mati dikuatkuasakan mulai tahun 1975 hingga bulan Ogos 1984, bilangan pengedar-pengedar dadah yang telah dikenakan hukuman gantung berjumlah seramai 63 orang.

Dari jumlah itu, iaitu seramai 26 orang telah pun menjalani hukuman

tersebut. Sementara itu 33 orang lagi masih menunggu rayuan pengampunan. Selain daripada itu, sejumlah 228 orang pengedar yang telah disabitkan kesalahan dan dikenakan hukuman penjara seumur hidup.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun banyak telah dibuat oleh pihak yang berkenaan untuk membenters masalah penyalahgunaan dadah sejak Kempen Anti Dadah Kebangsaan dilancarkan oleh Kerajaan, akan tetapi saya suka mengambil kesempatan ini untuk bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sama ada beliau sedar bahawa salah satu masalah yang nampak saya telah menjejaskan usaha-usaha Kerajaan untuk membenters

Timbalan Yang di-Pertua: Ini sama-sama Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas tak usahlah tanya banyaklah, nanti mesyuarat boleh tanya.

Tuan Lee Lam Thye: Akan tetapi saya rasa ada hal mustahak untuk penjelasan, iaitu berkenaan dengan masalah rasuah yang dipercayai berlaku di peringkat penguatkuasaan undang-undang. Dan saya suka mendapat tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tentang hal ini dan apakah yang akan dibuat oleh Kerajaan untuk menghadapi masalah ini?

Soalan kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar kemudahan pemulihan tidak mencukupi dan apakah rancangan pihak Kerajaan untuk membekalkan dan memperuntukkan lebih banyak kemudahan pemulihan seperti mengadakan lebih banyak pusat pemulihan sebagai satu cara untuk memberi rawatan kepada penagih-penagih dadah?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Kerajaan sedar tetapi Kerajaan memang ketahu bahawa terdapat segelintir pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan kuasa yang menyebabkan usaha-usaha Kerajaan memerangi wabak dadah itu terbantut ataupun terjejas.

Kebanyakan daripada pegawai-pegawai tersebut adalah terdiri daripada mereka yang telah pun diamanahkan untuk menguatkuasakan undang-undang dari segi pencegahan dan pemulihan dadah.

Kerajaan sedang menyiasat kes-kes ini dan tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka. Dalam hal ini, Kerajaan sekali-kali tidak akan memilih pangkat atau darjat seseorang pegawai itu apabila tindakan undang-undang diambil terhadap mereka.

Kita semua akan mengakui bahawa mereka itu jika betul-betul terlibat adalah lebih merbahaya daripada pengedar dadah sendiri. Saya di sini ingin mengambil kesempatan merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya memberi maklumat-maklumat jika ada tetapi maklumat yang tepat kepada kami untuk tindakan tegas diambil kepada mereka yang telah pun didapati menyalahgunakan kuasa mereka untuk melemahkan usaha-usaha Kerajaan dalam memerangi wabak dadah ini.

Berkenaan soalan yang kedua daripada Ahli Yang Berhormat, memang Kerajaan sedar bahawa pusat-pusat pemulihan dadah yang terdapat sekarang tidak mencukupi untuk menampung penagih-penagih dadah yang terdapat begitu banyak di negara kita dan Kerajaan sedang berusaha untuk membuka beberapa buah pusat lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun hadapan insya-Allah pada bulan Januari, sebuah pusat lagi di Sungai Petani akan dibuka dan juga di Perlop, Perak, dan sebuah lagi di hutan belantara Pahang pada tahun hadapan.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah telah dibuat terhadap dadah-dadah yang dirampaskan hasil daripada penangkapan, disimpan, digunakan untuk perubatan atau dimusnahkan dan sebagainya?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan dadah-dadah yang dirampas dan kes terhadap mereka yang telah pun selesai dimusnahkan. Tetapi ada juga dadah-dadah yang boleh diguna, tidak begitu banyak, memanglah disalurkan kepada pejabat-pejabat yang boleh menggunakan dadah-dadah tersebut.

Datuk Edwin anak Tangkun: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri berkenaan menerangkan sebanyak 63 orang kena hukum gantung, saya ingin tahu berapa banyakkah dari Sabah dan Sarawak jumlah yang terdadah itu dan berapa banyakkah dari yang terdadah itu kena hukum gantung dari kaum wanita yang terdapat mengedar dadah atau penjara selama seumur hidup. Dan kedua, saya ingin tahu dalam Dewan yang mulia ini, apakah langkah-langkah yang diambil pada bilangan yang terdadah tetapi tidak menerima hukuman gantung ataupun penjara seumur hidup pada masa sekarang?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Saya mohon ulangi soalan yang kedua, Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat perlu notis?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Yang Berhormat memang pandang berat tentang masalah dadah di Sabah dan Sarawak, tetapi saya mohon notis untuk menjawab soalan yang pertama.

Pada soalan yang kedua, saya mohon Yang Berhormat ulangi soalan yang kedua.

Datuk Edwin anak Tangkun: Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah-langkah yang diambil pada bilangan yang terdadah tetapi tidak menerima hukum gantung pada masa sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekali Yang Berhormat, tolong. Saya pun

Datuk Edwin anak Tangkun: Apakah langkah-langkah yang diambil kepada bilangan yang terdadah, pengedar dadah tetapi tidak menerima hukuman gantung pada masa sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Selain daripada yang dihukum gantung, apakah kita buat dengan yang lain yang ditangkap itu? Itu soalan, Yang Berhormat

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Selain daripada mereka yang telah pun didapati salah sebagai pengedar dan dihukum gantung, mereka yang lain adalah dihukum penjara seperti 228 orang yang dihukum seumur hidup, kebanyakan yang lain menjalankan hukuman penjara sehingga 14 tahun dan yang lain dihantar ke tempat-tempat, pusat-pusat yang kita tetapkan di negara kita ini mengikut undang-undang yang sedia ada.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pusat-pusat baru yang telah nyatakan oleh Yang Berhormat tadi akan mengambil corak yang terdapat di

Tampin sebagai pusat Serenti dan apakah sebab kematian penagih baru-baru ini di Tampin?

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan yang kedua saya tidak benarkan Yang Berhormat sebab tidak berkait dengan soalan asal. Yang Berhormat kalau hendak jawab soalan bahagian pertama sahaja.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Memang, Tuan Yang di-Pertua, pusat pemulihan yang akan dibuka di Sungai Petani akan mengikut corak pusat pemulihan Serenti di Tampin. Walau bagaimanapun, sepertimana kita semua sedia maklum Pusat Serenti di Tampin baru sahaja dibuka dan kita masih mengkaji, melihat dan mengambil kira adakah pusat sedemikian rupa akan memberi kesan yang lebih bermakna kepada penagih-penagih dadah.

PEKERJA MALAYSIA DI SINGAPURA

8. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Buruh menyatakan apakah bantuan dan tindakan yang diberikan oleh Kementerian beliau kepada pekerja-pekerja Malaysia yang telah kembali ke tanah air setelah Kerajaan Singapura mengadakan peraturan baru mengenai pekerja-pekerja Malaysia dan adakah ini telah mempengaruhi bilangan pengangguran dalam negara kita.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu telah pun diberi semasa Kementerian saya menjawab pertanyaan yang hampir serupa dari Ahli Yang Berhormat dari Lumut pada 15hb Oktober, 1984 yang lalu dan tidak ada apa-apa yang hendak saya tambah lagi.

AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN

9. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau akan menghapuskan atau melonggarkan Akta Penyelarasan Perindustrian untuk menggalakkan lebih pelaburan oleh pelabur-pelabur asing dan tempatan untuk pertumbuhan ekonomi negara, khususnya perbadanan "transnational" untuk mengambil lebih "equity" di dalam perusahaan kita. Ini adalah lebih dikehendaki daripada negara kita menjadi kian tambah bergantung kewangannya kepada pinjaman luar lagi pula negara kita ketika ini sedang membayar kos khidmat hutang luar yang tinggi dan tidaklah boleh dinafikan bahawa Akta Penyelarasan Perindustrian meskipun berhasil tetapi masih menjadi satu halangan kepada pelaburan-pelaburan tempatan dan asing.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan Akta Penyelarasan Perindustrian yang dikuatkuasakan pada tahun 1976. Akta ini adalah perlu untuk menyelaraskan serta memastikan pembangunan sektor perkilangan secara teratur, mengambil kira pelaksanaan dasar-dasar yang ditetapkan.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum semenjak Akta tersebut diperkenalkan, Kerajaan telah membuat beberapa pindaan kepada Akta ini sebagai satu langkah untuk mengatasi sebarang kekhawatiran di kalangan pelabur-pelabur.

Akta ini berjalan sekian lama dan sudahpun menghasilkan banyak faedah kepada negara dan ianya didapati telah diterima oleh semua

pihak. Seperti juga Akta yang lain, ianya sentiasa diulangkaji untuk mengambilkira perkembangan-perkembangan semasa.

**PUSAT PENYELIDIKAN
PERTANIAN ANTARABANGSA
AUSTRALIA**

10. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada benar Pusat Penyelidikan Pertanian Antarabangsa Australia telah mengenalpasti 14 projek di negara kita untuk mana pertumbuhan tersebut sedia memberi bantuan; jika ya, nyatakan:

- (i) apakah projek-projek tersebut,
- (ii) setakat ini, prestasi yang dicapai dalam projek-projek tersebut; dan
- (iii) guna dan faedah projek-projek itu kepada sektor pertanian di negara kita.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa Kerajaan telah menandatangani perjanjian kerjasama penyelidikan dengan Pusat Penyelidikan Antarabangsa Australia. Kerjasama penyelidikan pertanian ini meliputi beberapa institusi di negara ini iaitu institusi penyelidikan dan kemajuan pertanian Malaysia atau MARDI, Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

MARDI adalah terlibat dalam projek-projek berikut:

- (a) Fisiologi dan Teknologi buah pisang selepas tuai dan penggunaannya bagi buah-buahan tropika yang lain di Asia Tenggara. Ataupun dengan izin, "first harvest physiology and technology of banana and application to some other tropical fruits in South-East Asia".

- (b) Ciri-ciri fisiologi kimia dan penyimpanan mangga dan buah-buahan tropika yang lain di Asia Tenggara.

- (c) Kajian kepentingan Lalat/Buah di Malaysia; dan

- (d) Kehilangan gas nitrogen dari baja urea di dalam sistem tanaman. Pengerangan bijerin dalam simpanan di Malaysia. Penggunaan racun serangga secara bersepadu di dalam pengsetoran bijerin di Malaysia.

Prestasi yang dicapai dalam projek-projek tersebut belum dapat dinyatakan kerana projek ini masih di peringkat awal pelaksanaannya. Malah ada juga yang masih dalam perbincangan lagi. Secara amnya projek-projek ini bertujuan untuk memperolehi teknologi-teknologi yang sesuai bagi memperbaiki perusahaan buah-buahan dan padi dan meningkatkan kekesanan pembelanjaan di dalam sistem tanaman di negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ling Liang Seng.

Soalan No. 11 Y.B. Tuan Lim Liang Seng tidak hadir).

**BUAH-BUAHAN—
PENGELUARAN DI MALAYSIA**

12. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah positif yang diambil oleh Kementerian bagi memperbanyakkan pengeluaran buah-buahan di Malaysia. Adakah Kementerian bercadang hendak menghantar petani-petani Malaysia ke Thailand bagi mengikuti kursus-kursus pendek di sana, memandangkan Thailand adalah sebuah negara jiran yang berjaya dalam pengeluaran buah-buahan.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian telah mengambil beberapa langkah positif untuk menggalakkan pengeluaran buah-buahan. dalam hubungan ini Pegawai-pegawai Pertanian telah dihantar untuk mengikuti kursus-kursus jangka pendek dalam Lawatan Sambil Belajar bukan sahaja ke negara Thailand bahkan ke negara-negara lain khususnya ke Indonesia dan Filipina. Pegawai-pegawai telah mengikuti kursus dan Lawatan Sambil Belajar tersebut telah melatih petani-petani di dalam serba serbi aspek pengeluaran buah-buahan. Di samping itu dalam rancangan program latihan di peringkat negeri, petani-petani juga telah diberi peluang mengikuti Lawatan-lawatan Sambil Belajar ke Thailand dan Indonesia.

PENGELUARAN BERAS NEGARA

2. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Pertanian menyatakan hari ini Kerajaan telah mengorak langkahnya ke arah peningkatan kemajuan pertanian dengan bermacam-macam cara arah kejayaan yang mana salah satu darinya ialah dengan mengadakan estet-estet padi, adakah estet-estet yang telah atau yang akan dibuka itu bergantung kepada sawah-sawah yang sedia ada ataupun dengan dibukakan tanah-tanah lembah yang luas dalam hutan-hutan besar maka dalam jangkaan berapa tahun lagi Malaysia akan mencukupi padi-beras hasil tanaman dalam negara kita sendiri.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Dasar Pertanian Negara, pengeluaran padi akan dipertingkatkan melalui penyediaan dan pendekatan kemudahan parit dan taliair di bawah kawasan-kawasan jelapang padi yang sedia dan lain-lain kawasan perairan yang mempunyai potensi untuk tanaman dua kali

setahun dengan penggunaan benih yang berhasil tinggi dan amalan pertanian moden. Pengurusan tanaman padi secara estet atau kelompok adalah ditumpukan kepada kawasan-kawasan ini untuk meningkatkan kecekapan dalam pengeluaran padi di samping mengurangkan kos pengeluaran.

Menyentuh soal pengeluaran padi negara pula, Dasar Pertanian Negara telah menetapkan bahawa matlamat tingkat pengeluaran yang ditetapkan ialah di antara 80% ke 85% daripada keperluan negara. Adalah dijangkakan matlamat pengeluaran beras negara pada paras ini akan dapat dicapai menjelang tahun 1990.

UNIVERSITI KEMBAR

11. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah dan sejauh manakah kemajuan telah dicapai setakat ini setelah konsep Universiti Berkembar di antara Malaysia dengan Australia dan di antara Malaysia dengan New Zealand itu disarankan kepada pihak kedua-dua negara itu.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, cadangan mengadakan Universiti Kembar ini yang telah dikemukakan kepada Kerajaan Australia dan New Zealand itu pada waktu ini adalah masih dalam peringkat perancangan semenjak kita mendapat reaksi yang positif daripada pihak berkuasa pelajaran di kedua-dua negeri Australia dan New Zealand. Saya telah mengadakan perjumpaan dengan Vice-Chancellor Universiti-universiti Tempatan dan telah memberi tahu mereka tentang langkah-langkah yang boleh diambil bagi melaksanakan cadangan ini.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah

langkah-langkah yang akan diambil itu untuk menubuhkan Universiti Berkembar.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, langkahnya, sememangnya ialah untuk yang pertama bagi universiti kita—universiti-universiti tempatan menentukan manakah universiti-universiti yang ada di Australia dan New Zealand ataupun di negeri-negeri lain yang mereka fikir sesuai untuk dijadikan Universiti Kembar dengan mereka. Dan setelah diadakan Universiti Kembar itu maka rancangan-rancangan lain yang berhubung dengan rancangan akademik akan berikut seterusnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 13.

POLARISASI KAUM DI SEKOLAH-SEKOLAH

13. **Dr Tan Seng Giaw** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pengakuan beliau tentang wujudnya polarisasi kaum di sekolah-sekolah telah menyebabkan rasa pandang berat negara yang serius dan memandangkan terdapat tuntutan luas supaya satu solusi didapati, sama ada sebuah Suruhanjaya di Raja akan ditubuhkan untuk menyiasat ke dalam sebab-sebab akar-umbi masalah tersebut serta mencadang langkah-langkah kemungkinan boleh menyelesaikan masalah tersebut.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri telah pun memberi jawapan pada soalan yang sama.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (26hb Oktober, 1984).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$7,653,524,924 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1985, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 tahun 1984, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (26hb Oktober, 1984).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Parit, sila teruskan ucapan.

3.37 ptg.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang menyambung semula ucapan saya pada hari Jumaat yang lepas.

Saya sedang membincangkan masalah pelajar-pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi yang sedang diberikan layanan dan kemudahan-kemudahan oleh Kerajaan. Peruntukan bagi pelajaran tinggi ini telah disediakan oleh Kerajaan mengikut Belanjawan 1985 ialah sebanyak \$299 juta. Peruntukan ini pada saya terlalu besar iaitu lebih besar dari peruntukan yang disediakan bagi memberikan bekalan paip air dan juga api elektrik kepada penduduk-penduduk luar bandar di mana masih begitu ramai rakyat jelata yang sangat-sangat memerlukannya. Tetapi demi untuk menyediakan rakyat yang terpelajar yang akan meneruskan tugas-tugas membina negara di masa depan, maka Kerajaan lebih mengutamakan peruntukan pelajaran ini dan saya memberikan sokongan.

Saya ingin mengulangi seruan kepada pihak Kerajaan supaya lebih berhati-hati untuk mengawasi pelajar-pelajar yang begitu bernasib baik, yang telah terpilih, yang telah berjaya melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi, supaya wang yang begitu banyak yang dicurahkan oleh Kerajaan tidak akan menjadi sia-sia ataupun hasilnya melahirkan golongan-golongan intelektual yang akan menikam Kerajaan sama ada dari depan ataupun dari belakang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya mencadangkan keadaan yang sihat perlu diwujudkan di kalangan pelajar-pelajar kita iaitu dengan mengharamkan ataupun sekurang-kurangnya mencegah sebarang pihak memperalatkan pelajar-pelajar kita untuk kepentingan

politik mereka bagi jangka panjang. Maka Kerajaan juga hendaklah selain daripada itu membuat pilihan-pilihan dengan teliti bakal-bakal pelajar dari mereka yang berlatar belakang golongan yang menghargakan budi baik Kerajaan, dari mereka yang tahu berterima kasih kepada sumbangan yang telah diberikan kepada mereka. Ini perlu kita laksanakan dari sekarang kerana Kerajaan yang telah ataupun yang akan menyediakan segala kemudahan yang dikecapi oleh mereka. Kita tidak seharusnya terus berbudi kepada orang-orang yang diibaratkan seperti melepaskan anjing tersepit ataupun bunga dihulur najis balasannya ataupun diumpamakan telunjuk mencucuk mata.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan pelajar-pelajar kita yang terpilih mengikuti kursus-kursus di pusat-pusat pengajian tinggi ini terutamanya yang akan dihantar ke seberang laut adalah terlalu mentah dan amat kurang dengan pengalaman. Mereka ini amat mudah dipengaruhi dan amat mudah dipesongkan fahaman mereka itu. Oleh itu saya mencadangkan janganlah Kerajaan kita tergopoh gapah menghantar mereka keluar negeri ataupun ke pusat-pusat pengajian tinggi. Sebelum mereka masuk pengajian tinggi ini sama ada di luar negeri ataupun di dalam negeri hendaklah terlebih dahulu ditempatkan mereka di kelas-kelas khas untuk diberikan orientasi yang cukup sekurang-kurangnya selama satu tahun.

Di kelas-kelas orientasi ini Kerajaan bolehlah memberikan semangat kesedaran, sikap yang baik, perasaan cintakan negara dan bangsa dan ajaran-ajaran agama dan akhlak yang mulia, dan hendaklah ditegaskan tanggungjawab mereka ialah untuk belajar bersungguh-sungguh di samping melengkapkan diri dengan pengalaman, bukanlah menjadi pengkritik Kerajaan ataupun

melibatkan diri dengan kumpulan-kumpulan liar dan menyeleweng dari dasar-dasar pemerintah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kemiskinan dan masalah sosial terutama kelemahan dalam pelajaran berhubung kait antara satu dengan lain yang masih kekal menyelimuti masyarakat luar bandar. Kalau kita lihat keputusan peperiksaan setiap tahun, dari peringkat Penilaian Darjah 5 hingga ke peringkat SRP dan SPM, murid-murid luar bandar masih terus ketinggalan dengan begitu jauh sekali kalau dibandingkan dengan murid-murid daripada kawasan-kawasan bandar.

Kelemahan-kelemahan ini harus menjadi tumpuan utama Kementerian Pelajaran untuk memperbaikinya. Di samping itu bersama-sama dengan Kementerian Pelajaran bergiat membuat kajian dan berusaha memperbaiki kelemahan pelajar-pelajar kita di luar bandar, pihak Kerajaan menerusi Kementerian-kementerian yang lain terutama Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Kementerian Penerangan, harus pula memberikan kerjasama bagi mengatasi masalah-masalah sikap yang terus menerus menjadi amalan masyarakat luar bandar yang sememangnya amalan-amalan ini ataupun sikap yang demikian amat digemari oleh pihak penjajah ketika mereka menjajah negara kita. Apa saya maksudkan ialah sikap kurang berusaha bagi memajukan diri sendiri, sikap masih berpegang dengan "rezeki secupak takkan jadi segantang" dan sikap pandangan yang sempit sehinggakan sikap ini turun menular kepada pelajar-pelajar kita, kepada anak-anak mereka.

Di samping sikap yang demikian, masyarakat kampung terutama kawasan-kawasan pendalaman, amat cetek dengan ilmu pengetahuan. Mereka terus menerus menghabiskan

tiga suku daripada masa mereka dalam sehari dengan berbual-bual kosong, terutamanya di kedai-kedai kopi yang menjadi tempat forum yang utama membicarakan nasib diri sendiri, membicarakan kesulitan hidup walaupun negara sudah lama Merdeka dan membangun dengan pesat dan di samping itu dimasukkan juga perkara-perkara yang memburuk-burukkan Kerajaan dan semua kesulitan hidup yang mereka hadapi adalah salah Kerajaan; itulah yang dibincangkan.

Inilah perkara yang perlu dikaji oleh Kementerian-kementerian yang terlibat dengan pembangunan masyarakat di luar bandar. Bagaimanakah sikap lama yang ketinggalan zaman ini perlu diperbaiki? Inilah yang perlu kita adakan kajian dengan teliti. Pada pendapat saya salah satu cara mengatasi masalah tersebut ialah dengan mewujudkan perpustakaan-perpustakaan di kawasan-kawasan luar bandar di seluruh negara. Kita hendaklah mewujudkan juga sikap rajin membaca untuk mengikuti kemajuan-kemajuan dan pembangunan negara kepada seluruh masyarakat, bukan sahaja kepada pelajar-pelajar.

Tempat anggota masyarakat luar bandar menimba ilmu pengetahuan hampir tidak ada langsung pada masa ini. Maka tidak hairanlah mereka terus menerus membuang masa dan tidak berusaha langsung memperbaiki nasib sendiri. Kerajaan banyak menyediakan perpustakaan-perpustakaan yang gagah, yang besar, yang lengkap dengan buku-buku ilmu pengetahuan hanya di kawasan-kawasan bandar-bandar besar, ibu-ibu negeri dan sedikit-sedikit di bandar-bandar kecil di mana wujudnya perpustakaan yang saya sebutkan tadi adalah tempat tinggal masyarakat yang sudah jauh maju kalau dibandingkan dengan masyarakat-masyarakat luar bandar.

Maka cadangan saya, pihak Kerajaan haruslah dari sekarang menyediakan kemudahan-kemudahan pusat ilmu pengetahuan ini, tegasnya perpustakaan di setiap daerah, setiap mukim dan akhirnya pada setiap kampung; misalnya dengan menjadikan balai-balai raya ataupun dewan orang ramai buat permulaannya. Dengan cara ini sudah tentulah hasrat Kerajaan yang sedang membawa rakyat Malaysia memandang ke Timur dengan menyeru etika kerja dan mengimport teknologi negara Jepun dan Korea akan lebih mudah diresapkan kepada seluruh rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, cara berfikir rakyat Korea dan rakyat Jepun mungkin amat jauh perbezaannya dengan cara berfikir orang-orang kampung di negara kita. Oleh yang demikian, di samping kita menerapkan etika kerja cara rakyat kedua-dua negara tersebut, kita haruslah memikirkan pula ataupun menggunakan elemen-elemen yang wujud dalam negara kita boleh memberi etika kerja kepada masyarakat kita. Misalnya agama Islam sudah diakui bahawa ianya adalah sistem keseluruhan aspek kehidupan. Oleh itu, adakah Islam tidak mampu memberi etika kerja dan nilai-nilai kehidupan untuk ditiru dan diamalkan oleh masyarakat kita?

Untuk mengubah sikap masyarakat luar bandar khususnya dan rakyat Malaysia umumnya, di samping polisi Pandang ke Timur, maka unsur-unsur keislaman ataupun nilai-nilai Islam yang lebih moden haruslah disesuaikan dengan hebatnya kepada seluruh rakyat, bukan dengan nilai-nilai orthodox yang sedang dipermainkan oleh setengah pihak dengan tujuan untuk meracuni fikiran dan sikap rakyat negara ini, terutama kepada penganut-penganut agama Islam sendiri.

Saya yakin penerapan nilai-nilai Islam yang sedang hebat dilaksanakan hari ini tentu ada banyak persamaannya ataupun tidak bercanggah dengan nilai-nilai dan amalan-amalan agama-agama lain di dalam negara kita kerana setiap agama yang menjadi ikutan umat manusia adalah dengan tujuan mewujudkan kebahagiaan hidup dan keamanan di kalangan penganut masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, daripada huraian yang telah saya beri, saya akan mengakhiri ucapan saya dengan menyeru sekali lagi kepada pihak Kerajaan iaitu bagi melahirkan masyarakat negara yang bersatu-padu dan khususnya bagi menghapuskan kemiskinan dan meninggikan prestasi pelajaran pelajar-pelajar kita di luar bandar yang ada kait-mengait antara satu dengan lain, maka perubahan sikap haruslah menjadi tumpuan utama iaitu dengan menyelaraskan polisi Pandang ke Timur dengan meniru etika kerja rakyat Jepun dan Korea haruslah diselaraskan dengan elemen-elemen di dalam negara kita sendiri terutamanya nilai-nilai keislaman.

Maka dengan harapan itu, saya dengan sepenuh hati memberikan sokongan kepada Belanjawan Negara bagi tahun 1985.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batu Pahat.

3.49 ptg.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha (Batu Pahat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama membahaskan dan menyokong usul yang dibawa oleh Menteri Kewangan dan seterusnya memberi tahniah, bukannya saya sebagai sifat seorang penyokong Kerajaan, tetapi sebagai sifat saya seorang yang praktikal dan pragmatik.

Saya mensifatkan Belanjawan yang disediakan oleh Menteri Kewangan

yang baru ini sangat praktikal dan pragmatik, menarik dan mengghairahkan kerana di samping perkara-perkara yang begitu senang seperti kemudahan yang diberikan kepada pegawai-pegawai Kastam di Tambak Johor, di Padang Besar, Perlis, Kelantan dan sebagainya, ia menyelitkan bahan-bahan yang menyebabkan orang-orang kaya merasa gembira dan orang-orang miskin pun merasa gembira walaupun ada pihak-pihak yang mengatakan bahawa Belanjawan (Budget) ini adalah semata-mata untuk kepentingan orang-orang yang kaya, orang-orang yang senang dan tidak memberi apa-apa faedah kepada orang yang miskin.

Sebenarnya ini tidak benar, kerana pada pendapat saya Belanjawan yang disediakan ini, memberikan satu matlamat dan tujuan iaitu supaya negara kita ini mendapat satu nafas baru di dalam bidang membangkitkan semula ekonomi negara yang begitu malap dan lembab. Kebangkitan ekonomi berdasarkan kepada kemungkinan-kemungkinan yang datang dan disediakan oleh pengusaha-pengusaha ataupun usahawan-usahawan yang terlibat di dalam bidang perniagaan.

Oleh sebab yang demikian segala cadangan-cadangan pengurangan cukai kepada pengusahawan-pengusahawan untuk memikat mereka supaya bekerja lebih keras dapat meningkatkan efficiency dan produktiviti adalah satu cadangan yang baik dan satu cabaran kepada semua entrepreneurs. Walau bagaimanapun, pada awal-awal ini saya suka mencadangkan kepada pihak Kerajaan khususnya kepada Menteri Kewangan sekiranya pada tahun akan datang tiada perubahan daripada segi simpanan wang, dari segi perbelanjaan pembaziran wang, dari segi perimbangan dagangan luar atau trade deficit, ataupun perimbangan dengan matawang luar negeri, saya

mencadangkan sekiranya tidak ada juga peningkatan dari segi produktiviti yang berlebihan daripada rancangan yang disediakan oleh pihak Kementerian Kewangan pada hari ini, hendaklah cadangan-cadangan yang telah diberikan pada tahun ini ditarik balik, supaya ini menjadi satu amaran sekiranya mereka berkehendakkan kepada positive result, mereka hendaklah menunjukkan kemampuan untuk menyahut seruan ini dan kalau tiada sambutan yang baik itulah saranan saya, supaya ditarik balik cadangan yang begitu murah hati bagi pihak Kerajaan kepada penduduk-penduduk Malaysia seluruhnya.

Saya sangat tertarik hati dengan saranan bekerja kuat dan efficiency oleh Menteri Kewangan itu. Kita sebagaimana rakan saya dari Parit baharu sebentar tadi mengatakan telah cuba meningkat mutu kehidupan kita dengan memberi pelajaran yang tinggi kepada anak-anak kita sama ada dalam dan di luar negeri, di samping itu memberikan extended courses ataupun pelajaran yang bersangkutan sambungan ke luar negeri kepada pegawai-pegawai kita, sama ada pegawai-pegawai pertengahan atau pegawai tinggi dengan perbelanjaan yang begitu besar dengan harapan supaya mereka balik dapat mencurahkan ilmu-ilmu yang dipelajari oleh mereka di luar negeri.

Tetapi saya suka bertanya di sini, di dalam perbelanjaan yang begitu besar yang dibelanjakan oleh pihak Kerajaan kepada Ketua-ketua Jabatan atau pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang belajar ataupun yang melalui kursus-kursus di luar negeri, berapa ramai yang kembali ke negara ini menggunakan dan melaksanakan ilmu-ilmu yang dipelajari itu ataupun adakah mereka kekal seperti di tahap lama, tidak ada perubahan, kerana saya bekas seorang pegawai tinggi Kerajaan dan saya sedar, di mana tempat saya bekerja dahulu, Ketua

Jabatan itu walaupun telah menghadiri beberapa kali seminar, kursus-kursus di luar negeri, bila balik semula ke tanah air, tidak juga berubah, masih juga otokratik, masih juga tidak ada berdemokrasi, masih juga tidak mahu mendengar cadangan-cadangan yang baik daripada pihak bawahan. Jadi sia-sia sahajalah pada pendapat saya kursus-kursus yang diberikan kepada mereka. Oleh sebab yang demikian, saya menyarankan supaya tiap pegawai Kerajaan yang diberi kursus-kursus di luar negeri itu diberikan penyelidikan sama ada mereka telah menerima dengan baik pelajaran-pelajaran yang dipelajari oleh mereka di luar negeri itu dan telah pun melaksanakan ataupun memperaktik, mencuba dengan seberapa daya teknik-teknik baru, pelajaran-pelajaran baru yang mereka dapati di luar negeri itu supaya dapat ditingkatkan efficiency.

Saya difahamkan sekarang ini, segala masalah-masalah negara diteliti terlebih dahulu oleh Jabatan Perdana Menteri iaitu di EPU. Oleh sebab hampir keseluruhan projek-projek ini ditumpukan kepada EPU, tentulah beban kerja EPU ini berat. Oleh sebab yang demikian kemungkinan besar, banyak projek-projek atau rancangan-rancangan Kerajaan terpaksa memakan masa yang lama untuk mendapatkan keputusan sama ada boleh diteruskan atau boleh dilaksanakan ataupun mendapat persetujuan daripada pihak yang berkenaan dan sebagainya, kerana penyelarasan ini perlu dibuat di EPU. Oleh sebab yang demikian, saya berpendapat perlulah dibuat kajian sama ada ini adalah sesuai atau sebaliknya. Sama ada disebabkan oleh adanya masa yang begitu banyak terbuang, saya percaya ada, menyebabkan perbelanjaan-perbelanjaan sesuatu projek itu yang mungkin sekiranya tidak ditempokkan begitu lama empat atau lima tahun boleh membelanjakan dengan belanja

yang sedikit seperti \$8 juta tetapi apabila ditunggu-tunggu untuk mendapat kepastian, menjadi bukan \$8 juta tetapi menjadi \$18 juta.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab yang demikian saya menyarankan kalau boleh dibuat kajian supaya dapat janganlah dicentralisekan sangat tetapi decentralisekan dan dapatlah diselesaikan masalah-masalah yang sepatut diselesaikan dengan secepat mungkin itu dibereskan dalam masa yang sependek-pendeknya.

Bagaimana kita hendak mengetahui atau mengkaji bagaimana seseorang pegawai Kerajaan itu mempunyai efficiency yang dikatakan boleh diterima. Bukan bermakna seorang itu datang ke pejabat dalam masa yang ditetapkan, belum pukul 8.00 dan balik selepas pukul 4.00, itu seorang yang cekap, sepertimana ditimbulkan oleh masyarakat kita sekarang ini. Datang pukul 8.00, balik pukul 4.00 ataupun datang sebelum pukul 8.00 dan balik selepas pukul 4.00. Tetapi bagaimanakah kita boleh mengetahui sama ada seseorang itu benar-benar telah menjalankan tugas mereka dengan penuh kemampuan, dengan penuh keamanan melainkan sekiranya ada cara-cara, sistem-sistem yang boleh kita kaji, yang boleh kita teliti yang mana pegawai-pegawai itu dengan cara laporan-laporan ataupun catatan-catatan. Kita boleh tahu sama ada mereka itu telah menjalankan tugas mereka dengan secara yang dikehendaki, secara efficient dan sebaliknya.

Seperti saya timbulkan di masa-masa yang lalu di Dewan ini kita dalam pihak swasta setiap pekerja ada mempunyai laporan harian mengenai kerja-kerja yang dibuat, bahkan bukan kerja harian tetapi kerja pada tiap-tiap jam apa yang kita buat. Dalam masa lapan jam apa yang telah saya dan pihak Ketua saya akan tahu setakat mana kemampuan saya telah menjalankan tugas dalam masa lapan jam.

Dalam masa satu minggu banyak mana kerja saya. Bagaimana saya telah menghabiskan masa saya dalam masa seminggu dalam melaksanakan tugas saya itu. Selain daripada itu saya percaya kita boleh mengetahui sama ada seorang typist itu berkemampuan melaksanakan tugas-tugasnya dengan sempurna sekiranya ada rekod-rekod atau sistem-sistem fail yang mana diadakan masa-masa di mana fail itu berada di satu-satu tempat. Maka oleh sebab yang demikian di Jabatan itu masanya lima hari, mengapa lima hari? Sebab-sebabnya boleh disiasat. Oleh sebab itu kita boleh tahu sama ada pegawai-pegawai itu mempunyai efficiency yang ada atau sebaliknya.

Oleh sebab itu saya menyarankan supaya dapatlah diadakan satu sistem penelitian, satu sistem boleh mengetahui sama ada perjalanan pegawai-pegawai kita mempunyai efficiency yang dikehendaki.

Dalam masa soal jawab sebentar tadi kita telah mendengar soalan-soalan mengenai rasuah yang kononnya berleluasa di negara kita pada masa ini. Mengikut hemat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri ini tidak benar. Dan saya yakin ada berlakunya rasuah tetapi tidaklah berleluasa seperti tuduhan liar daripada pihak Parti Pembangkang. Walau bagaimanapun, kita mengakui rasuah ini sama juga dengan satu lagi profesion yang tidak mahu saya sebutkan di sini. Memang ada, masa datuk nenek kita dahulu memang ada dan tidak akan boleh dihapuskan. Tetapi kenapa rasuah berada? Rasuah berada ialah kerana hasil daripada kelemahan sistem-sistem yang dilalui oleh mereka yang melibatkan diri di dalam pekerjaan-pekerjaan itu.

Sekiranya saya diberikan satu kerja di mana di hadapan saya ada \$100 ribu setiap hari dengan tidak ada seorang pun bertanya kepada saya pada tiap-tiap hari sama ada mengira jumlah itu

ataupun bertanya kepada saya sama ada \$100 ribu itu telah digunakan atau sebaliknya, sama ada \$100 ribu itu ada saya gunakan dengan mempunyai resit-resit dan sebagainya. Sekiranya tidak ada walau setebal manapun iman saya, sekuat mana pun prinsip saya sekiranya \$100 ribu itu di hadapan saya dengan tidak ada supervision ataupun tinjauan-tinjauan daripada orang-orang lain, kemungkinan besar pada suatu hari saya akan tarik \$1 daripada tengah-tengah. Besoknya kalau tidak ada orang mengira juga, lagi \$1 saya tarik tengah-tengah, lama-lama \$100 ribu pun habis, satu orang pun tak tahu. Ini ialah kerana kelemahan kepada sistem. Ini satu contoh.

Tetapi bagaimana dengan pegawai-pegawai kita yang terdedah dengan kelemahan-kelemahan sistem yang menyebabkan mereka boleh mendapat rasuah dengan begitu senang. "Prevention is better than cure." Oleh sebab yang demikian, perlu kita jangan cuba hendak menangkap ataupun cuba hendak memberkas sahaja tetapi perlu kita memikirkan cara-cara bagaimana kita boleh dengan izin Allah, insya Allah dapat mengurangkan. Saya tidak yakin kita boleh menghapuskan rasuah tetapi mengurangkan sedikit atau dengan sebab-sebabnya rasuah.

Oleh sebab yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada pihak BPR bersama-sama dengan pihak Jabatan Perdana Menteri, MAMPU yang menyediakan sistem-sistem yang berkemampuan untuk mencegah rasuah ini mengambil satu persefahaman supaya dapat mengadakan satu sistem walaupun tidak fool-proof tetapi yang boleh dibanggakan supaya dapat rasuah di negara kita ini dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu pada pendapat saya kecenderungan kepada prinsip hidup yang bersih, kepada iman yang

mantap dan tinggi adalah perlu untuk seseorang itu mencegah dan menjauhkan diri daripada rasuah. Saya suka memberi tahniah kepada RTM di atas rancangan-rancangan yang baru-baru ini menunjukkan bagaimana kotornya rasuah itu. Pandangan yang baik, cadangan yang baik dan mudah-mudahan ini akan menjadi satu habuan, satu pandangan yang boleh diterima oleh semua pihak supaya benci kepada rasuah.

Apa yang perlu seperti yang saya katakan tadi ialah prinsip hidup yang bersih dan iman yang mantap. Untuk mengadakan yang demikian maka perlulah pegawai-pegawai ini diberikan satu perasaan, pegangan hidup melalui kursus-kursus yang boleh diselenggarakan oleh INTAN atau Jabatan-jabatan yang berkenaan dengan pelajaran agama yang mantap, yang mendalam supaya mereka takut bukan sahaja kepada BPR tetapi sebenarnya mereka takut kepada diri sendiri, takut kepada Allah s.w.t. kerana kita tidak pernah sentiasa berseorangan sahaja, tidak pernah seorang diri sentiasa kita berdua, kita dan Allah s.w.t.

Sekiranya ada prinsip pada diri kita itu, insya Allah saya yakin pegawai-pegawai yang diberikan tugas akan menjadi pegawai-pegawai yang bersih, cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam cadangan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk meningkatkan efficiency, saya suka menyentuh beberapa aspek di dalam ucapan beliau itu iaitu dari segi bergotong-royong. Amalan bergotong royong itu diamalkan oleh nenek moyang kita dengan begitu berjaya sekali. Kalau dulu di satu kampung di mana ada 40 buah rumah atau 50 buah rumah maka sudah pasti ada sebuah masjid yang mana didirikan dengan kerjasama mereka di kampung itu dengan tidak payah mendapat bantuan Kerajaan. Tetapi sekarang ini sekiranya ada 100

buah rumah, sekiranya tidak ada bantuan Kerajaan belum tentu ada masjid. Kerana apa? Kerana semangat bergotong royong, semangat beramal jariah itu sudah tidak ada lagi.

Saya tertarik hati dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan juga pemimpin-pemimpin yang lain supaya kita balik kepada semangat tahun 1946, semangat cintakan kepada nasional atau kebangsaan dan sebagainya tetapi pada saya kita pasti juga balik kepada semangat datuk nenek kita yang begitu murni dan tidak pernah mengharap kepada bantuan Kerajaan sangat untuk menjayakan diri mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya gotong-royong ini dapat diberikan satu nafas baru, misalnya kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru di sekolah-sekolah (PIGB). Banyak sekolah-sekolah yang berkehendakkan kelas tambahan dan sebagainya yang mana Kerajaan sedang melaksanakan sekarang ini yang dipanggil sekolah kilat. Sekolah kilat kononnya lekas, 3 bulan siap, tetapi dukacita saya menyatakan sekolah kilat atau kelas kilat ini yang konon boleh dibina dalam masa yang singkat, ada masanya lebih 6 bulan pun belum siap lagi, Lebih lama sekiranya dibina dengan secara konvensional, sudahlah begitu, sekolah itu dibina dengan bahan asbestos yang boleh ditendang atau ditumbuk pecah, dan yang saya hairan sekolah ini pula dindingnya asbestos dan atapnya asbestos juga. Sekarang ini zaman moden yang mana kita menggunakan KBSR berkehendakkan supaya banyak papan-papan atau softboard yang boleh kita membenteng, menyangkut atau meletakkan gambar-gambar supaya murid-murid kecil boleh lekas faham pengajaran cara begitu, tetapi dengan adanya asbestos ini yang tidak boleh

dipaku, kalau dipaku pecah, bagaimana kita hendak melaksanakan satu rancangan KBSR yang bercanggah dengan cara pembangunan bangunan itu sendiri.

Saya mencadangkan supaya dikaji semula dengan memberikan peruntukan itu kepada pihak PIGB. Pihak PIGB ini terdiri daripada mereka yang berkewibawaan, pegawai-pegawai tinggi Kerajaan, penghulu-penghulu, guru-guru dan sebagainya. Oleh sebab yang demikian, saya mencadangkan kalaulah boleh sekolah-sekolah kilat ini diberikan peruntukan melalui PIGB untuk mereka membina dengan kemampuan yang ada dengan lebih murah. Saya yakin dengan perbelanjaan yang diberikan mereka boleh membuat kelas yang lebih besar, yang lebih murah dan lebih baik lagi kerana itu sekolah mereka, tetapi pada kontraktor itu satu perkara biasa, satu sekolah atau kelas itu sama, di sekolah sana, di sekolah sini pun sama, tetapi kepada PIGB itu satu kepentingan bagi mereka dan mereka akan membuat dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya suka menyebut mengenai efficiency ini ialah daripada apa yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sebagai "invisible trade loss" ataupun bagaimana hilang duit kita disebabkan perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak nampak, yang mana jumlah besarnya ialah dibelanjakan keluar negeri. Saya ada dua contoh. Satu contoh masa saya menunaikan fardhu haji pada tahun 1982. Saya bukan hendak menunjukkan sudah pergi haji dua kali—tidak, saya hendak membandingkan perbandingan. Pada tahun 1982 saya menunaikan fardhu haji dengan belanja seperti yang dikehendaki dan semasa melontar jumrah, tempat duduk saya betul-betul dekat jumrah, pada orang Islam tahulah jumrah iaitu tempat

membaling syaitan. Tetapi pada tahun ini, tahun 1984 dua tahun kemudian jumlah jemaah haji jika dibandingkan dalam tahun 1982 dengan tahun 1984, jemaah haji tahun 1982 adalah lebih ramai daripada tahun 1984, maknanya lebih jemaah haji tahun 1982 daripada tahun 1984. Tetapi pada tahun 1984 ini jemaah-jemaah haji dari Malaysia dikehendaki membayar 400 rial kononnya ini muasasah, dahulu orang ramai—ada tempat, sekarang ini orang sedikit tidak ada tempat kenapa? Saya pun hairan dan bila orang yang membayar 400 rial itu duduk di Mina mereka tidak juga selesa bahkan lebih teruk daripada mereka yang duduk jauh 3 kilometer seperti yang saya rasai, berjalan 3 kilometer, kalaulah umur saya 70 tahun tidak mungkin boleh melakukan pekerjaan melontar itu, tetapi alhamdulillah umur saya muda lagi dan saya kuat, jadi dapatlah saya melaksanakan dengan sebaik-baiknya—insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hairan mengapa kita perlu membayar 400 rial extra dan kadangkala pula orang yang tidak ada duit, Tabung Haji beria-ia, tidak cukup duit boleh pinjam duit, Tabung Haji sendiri pinjamkan duit 400 rial—dia pula yang beria-ia hendak pinjamkan duit 400 rial itu.

Yang kedua, tempat tinggal di Mekah—maafkan saya, saya bukan hendak kata Tabung Haji, tetapi saya hendak menerangkan Yang Berhormat Menteri mesti ada jawab, saya tidak tahulah siapa bohong, saya kata sayakah berbohong, Ahli Parlimen seperti Wan Mohamad Najibkah bohong, Dato' Najibkah berbohong, Datuk Ajibkah ke berbohong atau orang yang lebih atas daripada saya berbohong, atau Tabung Haji yang bercakap benar, bandingkanlah sama ada semua orang yang bising dalam suratkhobar itu berbohong ramai-ramai ataupun Tabung Haji yang benar—tolong

siasat. Pada saya kalaulah satu bilik yang tidak ada air-con, kalau hendak air-con yang duduk di dalam bilik 10 orang, disebabkan hendak air-con seorang dikenakan tambah 300 rial, jadi 3,000 rial satu bilik, kalau dikira boleh dapat air-condition di sana murah, boleh dapat 2 air-condition, tetapi disebabkan hendak duduk ada air-con ini kena tambah 300 rial seorang, pada satu masa dan satu rumah. Seorang pak syeh itu sudah diam tidak minta duit apa-apa, tetapi disebabkan bilik ini ada air-con tiba-tiba datang surat dari Tabung Haji mengarahkan supaya bayar 300 rial pada jemaah ini, jadi pak syeh pun setelah mendapat surat ini mengatakan orang ini mesti bayar, awak sudah dapat duit Tabung Haji, minta 300 rial. Tabung Haji pula suruh dia bayar, pak syeh tidak suruh bayar, tetapi Tabung Haji suruh bayar, jadi terpaksa bayar, kalau dia tidak hendak bayar nanti pak syeh cakap "oh! sekarang tidak ada duit, kalau mahu beli hampar dekat Madinah ada duit" dikeji pula orang Malaysia seolah-olah orang Malaysia ini pembohong.

Pada pendapat saya Tabung Haji membuat seolah-olah orang Malaysia ini pada pandangan orang Arab kaya-kaya belaka, kalau tidak kaya pun Tabung Haji boleh pinjamkan duit. Mengapa semasa di Mekah seorang jemaah haji Malaysia membayar 1,400 rial, tetapi orang Indonesia bayar 1,000 rial? Rumahnya sama, saya duduk satu rumah dekat dengan rumah mereka ini, biliknya sama juga, tetapi dia kurang 400 rial daripada saya. Kata Yang Berhormat Menteri 400 rial extra itu kerana kebajikan-kebajikan yang lain yang diberikan oleh Tabung Haji.

Saya ingin bertanya Tabung Haji, saya tidak hendak tanya Yang Berhormat Menteri sebab Yang Berhormat dia tidak pergi, dia tidak tahu. Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak tahu sebab dia juga tidak pergi, saya yang pergi jadi saya

tahu. Apakah kebajikan yang diberikan oleh Tabung Haji? Saya puji tentang doktor-doktor, bidan-bidan yang kerja betul-betul, tetapi pegawai kebajikan Tabung Haji saya tidak nampak langsung, minta maaf lama saya di sana, saya tidak nampak dan tidak tahu dekat mana. Tambang bas dicharge 279 rial, saya check di sana tambang daripada Jeddah ke Madinah 50 rial, daripada Mekah ke Madinah 70 rial jumlah 120 rial, daripada Jeddah ke Mekah 10 rial, jadi 130 rial, ada baki 149 rial.

Katalah 10 rial daripada Mina ke Arafah, ada lagi 139 rial, katalah 39 rial ini buanglah tak tahu ke mana, tinggal 100 rial, fasal apa beza sampai 100 rial? 400 rial campur 100 rial—500 rial, campur dengan 300 rial, jadi 800 rial. Kalaulah jemaah haji ini 24,000, katalah yang bayar 20,000, berapa? 800 rial kali 20,000—16 juta rial, bersamaan dengan hampir-hampir berapa juta duit kita? Hampir-hampir \$11 juta duit kita. Inilah satu daripadanya gejala-gejala yang mana duit kita ini berkurangan pergi ke Negeri Arab.

Sebenarnya, tetapi saya tak berani hendak cakap, kalau boleh pergi haji ini sekali, yang kedua kali itu sunat. Yang kedua kali yang sunat itu buat benda yang wajib di Malaysia ini, macam kita tolong orang miskin, tolong keluarga-keluarga, kerabat kita buat rumah, beri dia pekerjaan, makan atau beri dia modal berniaga, itu yang wajib daripada pergi haji yang kedua itu sunat sahaja, lebih baik kita buat yang wajib di Malaysia. Jangan disalah takrifkan yang kata saya tak baik pergi haji kali yang kedua—tidak. Maksud saya, kali yang pertama wajib, kali yang kedua itu sunat, maka adakah lebih baik yang sunat atau yang wajib kita buat? Tentu yang wajib. Yang wajib itu dekat sini, kita buat di Malaysia. Jangan pula orang PAS salah tafsir kata "Haji Daud kata kali yang kedua tak bagus pergi

haji"—tidak. Maksud saya, kalau ada yang wajib dengan yang sunat, maka kita perlu buat yang wajib dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup di sini tentang Tabung Haji kerana saya akan pergi ke Tabung Haji mendengar taklimat Tabung Haji. Kalau puas hati, saya tak timbulkan tetapi kalau saya tak puas hati, saya akan timbulkan masa Jawatankuasa nanti, insya-Allah.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita boleh hilang invisible trade loss, kadangkala ialah kerana kita memberi kontrak-kontrak ataupun satu-satu perkara kepada orang tempatan (local) ataupun perbadanan, tetapi malangnya oleh sebab mereka tidak berkemampuan, mereka menggunakan perkakas-perkakas ataupun jentera-jentera ataupun keupayaan-keupayaan negara-negara lain dengan secara sewa, secara pinjam, lease dan sebagainya yang mana kononnya dia yang melaksanakan, konon dia punya, tetapi sebenarnya pada hakikatnya bukan dia yang punya, maka yang dia dapat hanya setakat 5% atau 10% yang 90% itu pergi ke luar negeri. Inilah yang patut kita siasat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah dari awal tadi menyatakan iaitu Belanjawan ini walaupun memberi faedah kepada semua pihak, tetapi saya sukalah menyeru kepada pihak Menteri Kewangan menimbangkan balik pengurangan cukai pendapatan ini, iaitu daripada jumlah, kalau bolehlah, untuk \$5,000 yang pertama itu janganlah diadakan 5% atau 8% tetapi dibuatlah untuk \$5,000 yang pertama itu untuk kebaikan orang miskin, orang berpendapatan rendah 5% untuk \$5,000 yang pertama dan untuk membalancekan supaya dapat bagaimana \$370 juta lebih ini tak hilang sangat, ditambah pula orang kaya sedikit yang \$70,000 sampai \$100,000 itu naikkan kepada 40% dan

yang lebih \$100,000 itu tak usahlah 40%, tambahlah sedikit jadi 45%, jadi balance, fasal apa pada pendapat saya ini adalah seimbang dengan jumlah cukai di negara-negara ASEAN yang lain di rantau ini.

Saya sebagaimana orang lain yang suka makan buah tempatan dan juga buah luar negeri, saya bersetuju Yang Berhormat Menteri Kewangan kata 50% senang cukai, Kastam pun tak pejam mata 50%, 50%, 50%, tak payah tengok, tetapi takkanlah Kastam tak boleh kenal antara buah-buahan dengan barang-barang lain. Pada saya, saya mencadangkan supaya cukai 50% kepada buah-buahan itu diturunkan seperti kadar yang lama kerana buah-buahan tempatan ini bukannya murah sangat, mahal juga. Kalau masa musim durian, saya nak makan durian pun rasa tak mampu, mampulah tetapi kepada orang miskin mungkin tak mampu. Buah-buahan tempatan tak murah, Tuan Yang di-Pertua, kalau dibandingkan buah longan itu murah dan sedap pula. Jadi, apa salahnya kalau orang-orang miskin diberikan kemudahan sedikit, iaitu dikurangkan cukai daripada 50% buah-buahan itu kepada tahap yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, di sebalik itu juga kjiita janganlah cuba hendak mengajar orang menjadi pencuri. Barang-barang kemas ini daripada 15% kalau tak silap saya, naik sampai 50%. Kalau murah orang bayar, tak mencuri, tetapi kalau 50% banyak sangat, nanti dia beli dan curi, dia masuk kecek, simpan di sini di sana, atau dia pakai. Dahulu bayar cukai, sekarang tak dicukai; dahulu ada cukai, sekarang langsung tak dapat cukai. Jadi kepada barang kemas pun saya mencadangkan supaya difikirkan balik supaya janganlah duti ini sampai 50% kerana saya yakin ini akan hanya mengajar orang menjadi pencuri.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya suka menyarankan iaitu kalau boleh

kita menambah bayaran (contribution) EPF. Saya menyarankan tahun 1983, tahun ini saya menyarankan juga kerana saya dapat surat banyak daripada orang ramai yang minta supaya saya membangkitkan sekali lagi supaya EPF ini ditambah kerana dia tahu tahun 1983 saya bercakap mengenai EPF, menambah EPF, tahun ini dia suruh saya cakap lagi, maka saya pun akan menyampaikan di sini dan saya sedang menyampaikan iaitu mengharapkan supaya EPF ditambah kepada jumlah yang lebih banyak lagi kerana hanya dengan melalui EPF sahajalah kita boleh dapat simpanan (savings). Dengan cara ini Kerajaan boleh dapat wang yang lebih untuk disimpan dan digunakan untuk dibelanjakan oleh Kerajaan dan dengan cara ini juga kita dapatlah mengurangkan pinjaman luar negeri (external debt). Tetapi bagi pihak EPF pula kalaulah dapat duit banyak terpaksa dapat memberikan keuntungan ataupun jumlah keuntungan balik yang lebih besar daripada sekarang. Walaupun apa yang dikatakan, saya berpendapat pulangan balik yang diberikan oleh EPF itu masih jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan apa yang mereka boleh dapat jika dilaburkan di tempat-tempat yang lain.

Di dalam menyebut perkara bank ini, saya suka menimbulkan sedikit mengenai cara pelaksanaan pembayaran "legal fees" kepada pinjaman-pinjaman ataupun pembelian-pembelian rumah yang dilaksanakan oleh Bank Islam. Bank Islam ini ada lain sedikit, kalau kita beli rumah dengan melalui bank biasa \$100,000, maka harga belianya \$100,000 dan faedah dikenakan begini, begini, begini, sampai 20 tahun tetapi harga belianya \$100,000. Tetapi dengan Bank Islam tak kira begitu, \$100,000 dikira dalam masa 15 tahun awak kena beli harga rumah ini, katalah \$200,000, tak usahlah banyak-banyak, saya pun tak tahu berapa

harga, katalah \$200,000 tetapi "double". Jadi "legal fees" dia kira \$200,000, dia tak kira \$100,000. Jadi, kalau "conventional bank" kira \$100,000, tetapi Bank Islam kira \$200,000, jadi legal fees dia dikira daripada \$200,000.

Jadi saya harap dapat Bank Islam memikirkan bagaimana dapat legal fees dikurangkan supaya jangan membebaskan orang yang hendak meminjam atau menggunakan Bank Islam. Baik juga orang menggunakan Bank Islam kerana hendak lari daripada riba, faedah dan sebagainya tetapi kalaulah bayaran yang dikenakan terlalu tinggi maka ini menyebabkan kesusahan kerana pada orang yang berpendapatan rendah seribu ringgit pun besar, apatah lagi kalau dua, tiga ribu ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, saya duduk di Johor Bahru, terpaksa saya membangkitkan perkara ini iaitu mengenai RTM. Radio Malaysia di Johor Bahru ini tak terang jika dibandingkan dengan Radio Singapura. Mungkin Menteri menjawab sebab dekat dengan Singapura, jadi sebab itulah Radio Singapura ini baik. Tetapi saya mengatakan stesen penerimaan di Johor Bahru pun ada, tetapi bagaimana kita tidak boleh menyediakan satu reception, penerimaan yang sama baik dengan Singapura supaya dapatlah orang-orang kita tidak lagi mendengar kepada rancangan-rancangan yang dibuat oleh Radio Singapura kerana sudahlah kadang-kadang program itu tidak berapa menarik tetapi kalau mendengar bunyi bising telinga pun sakit, siapa hendak dengar Radio Malaysia. Ini pada saya kalaulah boleh dipertimbangkan supaya dapat dinaikkan sedikit efficiency ataupun service di reception RTM Johor Bahru.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya mengenai MAS. Saya bersetuju dengan saranan Yang Berhormat

Menteri Kewangan supaya tambang percuma elaun kebenaran untuk cukai hanya kepada tambang yang digunakan melalui MAS, tetapi walau bagaimanapun saya ingat satu perkara yang MAS perlu ingat sedikit, kalau hendak berjalan dengan MAS ini, makanan iaitu menunya itu kena study sedikit kerana saya tahu menunya sudah tiga, empat tahun itu juga. Kalau ayam, ayam itu juga, kalau kuih, kuih itu juga. Saya cadangkan kalau boleh buatlah kuih Melayu, kuih Melayu pun bagus juga. Kalau tak ada kuih Melayu, kuih Cina yang halal pun boleh tetapi diubah sedikit sesuaikan dengan kebudayaan kita kebudayaan Melayu. Saya yakin orang Putih kalau dia cuba sekali kuih Melayu, dua kali, tiga kali dia mahu. Macam kita kena durian. Sekali kena dia tak mahu, dua, tiga kali dia suka pula durian. Jadi, saya ingat kalau kita cuba kuih Melayu mungkin boleh kita ketengahkan kuih Melayu juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itulah sahaja yang saya hendak utarakan dan saya mengucapkan terima kasih dan memberi tahniah sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas persembahan ucapan beliau yang baik itu dan mudah-mudahan dengan harapan dan insentif-insentif yang diberi ini negara kita akan bertambah maju dan mendapat produktiviti yang diharapkan. Sekian, Wabillahi taufik Wal-hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kinabalu.

4.33 ptg.

Tuan Mark Koding (Kinabalu): Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas ucapan Belanjawan yang adil dan realistik itu. Jelas sekali bahawa penukaran strategi daripada dasar yang expansionary kepada

amalan berjimat cermat dan mengekal perbelanjaan Kerajaan ke tahap yang serendah-rendah yang boleh telah dapat mengurangkan kurangan imbalan pembayaran negara.

Memandangkan bahawa ada kemungkinan kemelesetan ekonomi dunia akan muncul semula maka dasar ini akan diteruskan tahun hadapan oleh kerana tindakan sebaliknya akan hanya menaikkan kadar import yang mana akan melemahkan lagi imbalan pembayaran. Seterusnya Kerajaan mengambil langkah-langkah yang dapat dengan serta-merta memperbaiki kedudukan impangan pembayaran negara. Galakan cukai yang liberal yang diberi kepada hotel-hotel kecil sudah tentu akan disambut baik oleh rakyat terutamanya Bumiputra yang akan melibatkan diri dalam perusahaan-perusahaan motel-motel dan hotel-hotel kecil seperti umpamanya di Taman Negara Kinabalu di kawasan saya yang sentiasa dikunjungi oleh begitu ramai pelancong baik dari dalam mahupun luar negeri.

Saya sukalah mencadangkan juga bahawa selain daripada galakan yang diberi dan memastikan bahawa pengusaha-pengusaha kecil ini mendapat kredit bank pada kos yang مناسب, Kerajaan bolehlah membantu mereka dengan menganjurkan seminar-seminar dan kursus rasmi anjuran-anjuran Kerajaan di motel-motel atau di hotel-hotel kecil-kecil itu terutamanya pada peringkat permulaan mereka menjalankan perniagaan industri-industri kecil pelancongan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu bahawa semenjak Labuan menjadi sebahagian daripada Wilayah Persekutuan telah berlaku sedikit kenaikan harga barang-barang di situ. Jadi, pada pendapat saya kadar \$500 tambahan duti yang dicadangkan itu tidak akan memberi kesan yang

diharap-harapkan kecuali kadar itu dinaikkan kepada kadar sekurang-kurangnya \$700 ataupun lebih.

Di samping itu, Kementerian Wilayah Persekutuan juga perlu diwujudkan suasana membeli-belah di Labuan yang lebih sophisticated supaya ianya dapat berasing dengan kompleks-kompleks membeli-belah di Kuala Lumpur umpamanya dan ini akan dapat menarik lebih ramai lagi pelawat-pelawat terutamanya dari Semenanjung ini yang melawat ke Wilayah Persekutuan Labuan.

Suatu lagi usaha serta-merta Kerajaan untuk mengurangkan kurangan imbalan pembayaran negara ialah dengan mewujudkan perusahaan perkapalan Malaysia yang diberi galakan perkapalan liberal supaya wang yang berbilion-bilion ringgit itu yang mengalir ke luar negeri kerana terpaksa menggunakan perkapalan asing untuk keperluan eksport dan import negara kita dapat dikurangkan.

Dalam hubungan ini bidang insurans juga patut diterokai dan diberi galakan supaya rakyat Malaysia dapat melibatkan diri dengan serta-merta kerana sebahagian besar insurans eksport dan eksport kita juga dikendalikan oleh syarikat-syarikat asing.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, di samping usaha-usaha yang disebut tadi, Kerajaan hendaklah mempergiatkan lagi usaha bagi mendapatkan harga yang setinggi-tingginya bagi bahan-bahan eksport seperti getah, timah, tekstil, kasut dan sebagainya. Kerajaan hendaklah terus bekerjasama dengan lain-lain negara pengeluar untuk membantah dan menembusi sentimen perlindungan negara-negara pembeli.

Permintaan eksport yang lembab dan kedudukan defisit Belanjawan dan akaun semasa yang tinggi adalah antara beberapa faktor yang mengakibatkan turunnya pertumbuhan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Oleh hal yang demikian adalah tidak wajar lagi bagi Kerajaan terlalu bergantung kepada perdagangan luar, pinjaman dan pelaburan asing. Cadangan Kerajaan untuk membangun sektor industri tempatan yang berorientasikan barang-barang untuk kegunaan dalam negeri adalah tindakan yang sebaik-baiknya. Penekanan hendaklah diberi kepada meningkatkan keupayaan rakyat majoriti yang miskin untuk menyertai di dalamnya. Penggunaan teknologi tradisional kaum Bumiputera dan juga lain-lain penduduk tempatan misalnya akan dapat meningkatkan penyertaan rakyat majoriti miskin ataupun yang kurang bernasib baik dan akan menambah lagi pendapatan mereka supaya tidak berlaku kemiskinan ataupun bertambah kemiskinan dalam keadaan recession ini. Seiring dengan pembangunan-pembangunan industri kecil untuk rakyat yang kurang berada itu, kemudahan-kemudahan asas termasuklah kemudahan-kemudahan rekreasi dalam bidang sukan, kebudayaan dan hiburan adalah penting dan harus dibina untuk melahirkan rakyat yang sihat pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, re-emphasis ataupun penekanan semula di bidang pembangunan industri kecil luar bandar adalah penting memandangkan peluang pekerjaan di bandar-bandar berkurangan akibat pertumbuhan ekonomi yang menurun. Jadi, objektif Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup masyarakat miskin dalam keadaan di mana pertumbuhan ekonomi lembab merupakan cabaran yang sukar hendak diatasi dan kerjasama semua golongan masyarakat adalah sangat

perlu bagi menjayakan matlamat ini. Itulah antara alternatif yang harus dipertimbangkan oleh Kerajaan dalam usaha mengukuhkan lagi ekonomi di dalam keadaan kemelesetan ekonomi ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalakkan pertumbuhan sektor swasta, Kerajaan membuat perubahan-perubahan cukai yang memberi galakan kepada sektor swasta mengisi kekosongan atau peluang yang wujud akibat pengurangan perbelanjaan sektor awam.

Adalah diharapkan bahawa dengan cara ini sektor swasta akan dapat memberi ataupun membantu Kerajaan dalam menambah dan mengukuhkan lagi pendapatan pertukaran wang asing negara. Kerajaan hendaklah menjalankan kawalan ketat supaya mereka tidak akan menggunakan "disposable income" mereka untuk membeli barang-barang mewah kerana ini akan melumpuhkan usaha Kerajaan untuk mengukuhkan pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit mengenai keselamatan dalam negeri dan ingin menarik perhatian Kerajaan kepada laporan akhbar tempatan baru-baru ini di mana diberitakan bahawa "incident" jenayah di Negeri Sabah akhir-akhir ini meningkat lebih daripada 100% dengan 70% daripadanya dilakukan oleh pendatang-pendatang haram Filipina. Jadi sekiranya keadaan ini dibiarkan berlarutan, saya khuatir satu masa nanti penduduk-penduduk asal Negeri Sabah akan mula merasa tidak aman, terancam dan merasa ataupun memikirkan seolah-olah mereka ini berada di negeri orang pula kerana sebarang kelalaian mencegah dan membentaras jenayah akan menjejaskan keamanan dan kesetabilan politik.

Saya menyeru agar Kerajaan akan memberi peruntukan yang secukupnya untuk membina lebih banyak balai-balai Polis serta kelengkapan-kelengkapannya dan menambah bilangan petugas anggota polis di Negeri Sabah.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya mahu memberi sedikit pandangan mengenai teguran-teguran yang dibuat oleh parti Pembangkang, khususnya DAP terhadap Kerajaan Negeri Sabah. Ahli dari Kota Melaka memang mempunyai tabiat suka memperbesar-besarkan perkara-perkara yang kecil-kecil, dengan izin, "make a mountain out of a mole-hill", dengan tujuan hendak menjatuhkan pemimpin-pemimpin Kerajaan. Keluaran ataupun kes terbaru beliau ialah mengenai dengan hubungan dengan Ketua Menteri Sabah dengan dua buah syarikat iaitu Sadas Sendirian Berhad dan Minyak Berjaya Sendirian Berhad.

Dalam usaha beliau mencemarkan nama baik Ketua Menteri Sabah, ternyata Ahli dari Kota Melaka itu telah membuat pemeriksaan ataupun suatu "search", dengan izin, dengan Pendaftar Syarikat dan memperolehi beberapa maklumat tetapi dia gagal menyatakan atau sengaja menyembunyikan keterangan yang sebenarnya.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, semenjak Sadas Sendirian Berhad di perbadankan pada 24hb Disember 1970, ianya tidak pernah aktif, tidak hidup dan tetap menjadi, dengan izin "\$2 paper company". Usaha telah dibuat oleh Ketua Menteri untuk menjual "share" nya dan untuk membubarkan sahaja syarikat itu tetapi gagal kerana pemegang saham yang lain tidak dapat dihubungi. Selepas itu permohonan telah dibuat kepada Pendaftar Syarikat untuk memotong nama Syarikat itu daripada daftar kerana ianya tidak beroperasi dan tidak menjalankan apa-apa

perniagaan. "Gazettee Notification" sudahpun dikeluarkan dan saya percaya syarikat itu telah pun dibatalkan pendaftarannya.

Mengenai dengan Minyak Berjaya Sendirian Berhad sebenarnya tidak ada percanggahan kepentingan yang terlibat dalam pembelian semua "share" Minyak Berjaya oleh SAPLANTCO Sendirian Berhad iaitu sebuah syarikat milik penuh Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah. Nilai "share" Minyak Berjaya Sendirian Berhad ketika itu melebihi 30 sen setiap "share". Maka harga jualan "share" adalah berdasarkan nilai 30 sen itu. Keputusan untuk membeli saham Minyak Berjaya Sendirian Berhad dibuat oleh Lembaga Pengarah SAPLANTCO Sendirian Berhad dan Ketua Menteri tidak mempengaruhinya kerana beliau bukanlah Ahli Lembaga Pengarah Saplantco dan juga beliau tidak mempunyai "material share holding", dengan izin, dalam Minyak Berjaya Sendirian Berhad.

Walau bagaimanapun, kalau Ahli dari Kota Melaka benar-benar percaya ada percanggahan kepentingan dan ada pencabulan Perlembagaan Negeri Sabah oleh Ketua Menteri Sabah, dan sekiranya beliau belum lagi mengambil tindakan untuk membawa Ketua Menteri Sabah ke muka pengadilan, saya mencabar supaya Ahli dari Kota Melaka berbuat demikian serta-merta, tidak ada siapa-siapa yang mahu dan boleh menghalang beliau melakukan "private prosecution", dengan izin, terhadap Ketua Menteri Sabah.

Mengenai dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Kimanis, Bangunan Muzium lama yang dimaksudkan oleh beliau sebenarnya adalah bangunan Arkib Negeri Sabah sekarang. Arkib Negeri dan Muzium Negeri yang ada sekarang ini adalah berasingan, jadi tidak ada pembaziran dalam soal ini.

Ahli dari Kimanis juga telah mengatakan kononnya lesen percetakan syarikat-syarikat di Sabah akan dibatalkan sekiranya mereka mencetakkan berita mingguan persatuan sukarela dari Kimanis itu, saya harap Ahli yang berkenaan dapat memberi bukti-bukti nyata oleh kerana ini adalah tuduhan yang serius terhadap Kementerian dan pegawai-pegawai yang berkenaan dan juga Kerajaan Negeri Sabah.

Ahli yang sama iuga telah mencabar supaya Dewan Undangan Negeri Sabah dibubarkan untuk menguji kepopuleritan Parti Berjaya. Beliau sendiri tahu bahawa kekuatan Parti Berjaya sudah terbukti tetapi jikalau Presiden Bersepadu mahu menguji popularitinya pula, silah letak jawatan dan biar rakyat yang mengadilinya. Saya khawatir populariti Presiden Bersepadu itu adalah terlalu "superficial".

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu sekianlah sahaja dan saya sungguh-sungguh menyokong Belanjawan negara tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

4.58 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Belanjawan dalam Dewan yang mulia ini bagi kali yang ketiga. Belanjawan tahun ini mempunyai beberapa ciri yang unik mahupun dalam diri si penyampai atau dalam isi kandungan Belanjawan itu. Oleh itu, saya memang akan mengambil masa yang panjang, Tuan Yang di-Pertua.

Inilah kali yang pertama Yang Berhormat Menteri Kewangan membuat ucapannya dalam bentuk ucapan belanjawan yang sulung. Di dalam sejarah Dewan yang mulia kami tidak pernah mendapat peluang mendengar Yang Berhormat Menteri

Kewangan berucap sehingga Hari Jumaat yang lepas bersamaan 19hb Oktober. Adalah dapat difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan telah kelihatan sedikit gemuruh semasa melafazkan ucapan Belanjawan itu.

Walau bagaimanapun, kami ingin mengucapkan tahniah kepada beliau kerana usaha beliau walaupun lemah untuk mengadakan suatu bentuk kawalan ke atas agensi-agensi di luar Belanjawan. Usaha yang lemah juga ditunjukkan dalam menyenaraikan 41 OBAs dalam laporan ekonomi tanpa memasukkankan Permodalan Nasional Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu telah mencabar Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Yang sebenarnya, kalau Yang Berhormat mempercayai Kerajaan Negeri Sabah yang dipimpin oleh Ketua Menteri sekarang sebegitu bersih, maka Ketua Menteri itu baiklah mengemukakan semua harta bendanya termasuk semua syarikat yang dimilikinya. Inilah suatu cara untuk menunjukkan betapa bersihnya di dalam bidang politik.

Tuan Yang di-Pertua, sejak perlantikan Yang Berhormat Menteri kewangan yang baru oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, rakyat Malaysia telah menumpukan perhatian ke atas beliau untuk melakukan sesuatu yang ajaib bagi memperbaiki ekonomi negara kita. Beliau sendiri pun ada mengatakan bahawa beliau adalah seorang ahli professional. Beliau merupakan seorang ahli perniagaan dan ramai orang menjangkakan kemungkinan suatu Belanjawan yang mirip ke perniagaan akan dibentangkan.

Seperti yang telah saya katakan semenjak 2 tahun yang lalu, kecenderungan Kerajaan melindungi kumpulan yang kaya dan kapitalis sudah menjadi suatu kebiasaan. Ini

adalah tabiat Yang Berhormat Mulia bekas Menteri Kewangan yang berasal dari kaum kerabat diraja dan lebih ketara dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang datang dari sektor pensyarikatan. Seajar dengan sifat dalaman beliau dan sebagai seorang bekas ahli perniagaan, beliau telah mengemukakan Belanjawan yang menyebelahi golongan yang kaya, walaupun beliau telah menafikan di dalam temuramah dan ucapannya. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah bekerja bersungguh-sungguh untuk melindungi kebajikan kumpulan kaya serta keluarga-keluarga mereka, malah selepas mereka telah meninggal dunia.

Di sini saya hendak menekankan bahawa di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam satu forum di Universiti Malaya, beliau menekankan bahawa para mahasiswa di institusi pengajian tinggi supaya mengamalkan sikap menentang segala perkara yang tak diinginkan walaupun mereka telah tamat pengajian. Sikap ini adalah betul dan di sinilah saya mengamalkan sikap menentang ini. suatu tahniah kepada Yang Berhormat juga kerana sudi mengambil kesempatan untuk menghadiri forum-foram di universiti—satu cara yang betul untuk menerangkan dasar-dasar yang dibentangkan di sini. Saya berharap Menteri-menteri lain boleh mencontohnya.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1982 telah menunjukkan bagaimana Yang Berhormat Mulia bekas Menteri Kewangan ketika itu telah memberi "hadiah" kepada pengundi-pengundi dan kurang daripada enam bulan selepas Pilihanraya 1982, beliau telah melakukan potongan-potongan yang dahsyat dan menyakinkan tanpa mengira kepentingan orang ramai. Belanjawan untuk memancing undi-undi tahun 1982 telah diikuti dengan Belanjawan-belanjawan sederhana

pada tahun 1983 dan 1984. Ekoran daripada masalah imbalan pembayaran yang serius yang tidak pernah disaksikan di negara ini sebelum ini, defisit yang makin bertambah dalam Belanjawan Kerajaan dan kegelisahan bahawa defisit perdagangan akan bertambah buruk.

Sekarang dengan Belanjawan 1985 ini, sekiranya pengundi-pengundi masih mengundi Barisan Nasional seperti dalam tahun 1982, maka mereka harus mendugakan potongan yang amat dahsyat serta langkah-langkah jimat cermat yang memeranjatkan, berbanding dengan apa yang berlaku selepas Pilihanraya Umum 1982. Terdapat kemungkinan yang besar bahawa Kerajaan terpaksa menukar dasar fiskal pada pertengahan tempoh Belanjawan 1985, kerana kebimbangan mengenai pemulihan ekonomi dunia dalam tahun 1985, defisit yang mungkin bertambah dalam Belanjawan Kerajaan dan imbalan pembayaran akaun semasa serta kurangan dagangan yang semakin bertambah buruk.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita melihat defisit Kerajaan Amerika Syarikat yang mempunyai pengaruh yang besar ke atas ekonomi dunia termasuk ekonomi Malaysia, defisit Kerajaan Amerika Syarikat setakat ini ialah US\$192 billion iaitu bersamaan kira-kira M\$441.6 billion. Ini adalah satu faktor utama, satu risiko di mana ekonomi dunia akan terjejas kerana di Amerika Syarikat dengan defisit yang begitu besar dengan pengurangan cukai-cukai terutamanya cukai marginal, maka akibatnya pertumbuhan-pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat telah dalam tempoh yang sementara itu bertambah baik dan inflasi menjadi rendah serta pekerjaan-pekerjaan yang baru bertambah dengan pesat. Akan tetapi dengan dasar apa yang dikatakan

“Reaganomic”, maka kesan-kesan ini tidak akan kekal dan tidak lama lagi mungkin tahun hadapan akan diadakan potongan ataupun pengurangan cukai berkembang. Dengan cara ini ekonomi dunia akan terjejas dan ekonomi Malaysia akan turut terjejas juga. Sebab itulah saya tidak berapa puas hati dengan beberapa langkah yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan memandangkan keadaan ekonomi Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 1982, jumlah anggaran ialah \$31,951 juta dan kemudiannya dipotong sebanyak \$3,000 juta selepas pilihanraya tahun 1982. Anggaran tahun ini berjumlah \$29,191 juta. Kita tidak dapat mengetahui berapakah jumlah itu yang akan dipotong pada tahun hadapan. Saya telah mengulang berkali-kali bahawa nisbah khidmat bayaran hutang ataupun peratus pertambahan hutang negara akan terus meningkat. Dan nisbah khidmat bayaran hutang luar sahaja berjumlah 2.7% dalam tahun 1981, 4.4% bagi tahun 1982, 4.6% bagi tahun 1983 dan 6.5% bagi tahun 1984.

Dalam tahun 1981, terdapat kurangan Belanjawan \$4,663 juta dan diikuti dengan \$5,576 juta dalam tahun 1983; \$8,847 juta bagi tahun 1984; dan \$6,324 juta bagi tahun 1985. Kurangan yang dahsyat ini bukan sahaja disebabkan oleh pengurusan sumber-sumber kita yang kurang cekap serta tidak ketakterperian pertanggungjawapan awam seperti yang diperlihatkan dengan skandal BMF, malah sebenarnya terdapat sedikit pemulihan dalam ekonomi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tiga perkara telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa mengambil bahagian di dalam Seminar yang saya telah sebutkan tadi iaitu tiga perkara mengenai rasuah, ketidakcekan dan pembaziran yang

berlaku pada masa ini. Dan sekurang-kurangnya beliau mengakui terdapat tiga perkara ini di dalam negara ini, dan itu adalah satu langkah yang betul. Saya berharap dengan pengakuan ini tindakan yang berkesan dapat diambil.

Tuan Yang di-Pertua, dengan usaha untuk melindungi golongan kaya tanpa mementingkan rakyat hasil Kerajaan Persekutuan telah dianggarkan berjumlah \$16,660 juta bagi tahun 1982, \$18,608 juta bagi tahun 1983, \$20,820 juta bagi tahun 1984 dan \$21,877 juta bagi tahun 1985. Pertambahan dalam hasil Kerajaan Persekutuan ini adalah terlalu sukarnya untuk dipercayai pada masa perdagangan kita yang merosot, pengangguran yang meningkat dan nisbah hutang negara semakin bertambah. Lagipun dengan "Reaganomics" serta belanjawan yang mementingkan perbekalan ataupun dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "supply side economy" dan dengan ketidaktentuan pilihanraya di Amerika Syarikat dan dasar kewangan akan datang Amerika syarikat maka keraguan-keraguan mengenai hasil Kerajaan Persekutuan ini adalah mempunyai bukti. Dan walaupun Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan menafikan Belanjawan Tahun 1985 itu bercorak "Reaganomics", beliau menafikan bercorak "supply side economy" atau "demand oriented" ataupun "Keynesian" malahan beliau telah mengatakan Belanjawan ini adalah Malaysianomics. Dan di sini saya mempunyai bukti daripada Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa Belanjawan ini merupakan "Reaganomics" kerana di dalam sistem ekonomi itu Kerajaan Amerika syarikat telah menyekat dan mengurangkan perbelanjaan sosial dan kebajikan seperti juga yang diadakan pada tahun 1985 bagi Belanjawan kita kecuali perbelanjaan

pertahanan di negara kita telah dikurangkan, satu langkah ke arah yang betul walaupun di Amerika Syarikat perbelanjaan untuk pertahanan itu ditingkatkan.

Kedua, dengan "Reaganomics" itu, Kerajaan Amerika Syarikat mengurangkan secara besar-besaran peraturan-peraturan rumit Kerajaan yang menjejaskan sektor swasta. Di Malaysia juga ada ura-ura untuk mengurangkan peraturan-peraturan yang membeban sektor swasta.

Ketiga, Kerajaan Ameika Syarikat telah menentukan jumlah bekalan wang yang tidak mendatangkan inflasi, dan di negara kita juga langkah ini diambil.

Keempat, Kerajaan Amerika Syarikat mengurangkan cukai pendapatan perseorangan dan Malaysia juga pada tahun hadapan akan mengurangkan cukai pendapatan perseorangan dan inilah merupakan satu supply side economy. Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, supply side economy iaitu pengurangan cukai sebagai strategi untuk mencegah inflasi seperti telah dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sekarang. Sebaliknya ekonomi bercorak Keynesian, Tuan Yang di-Pertua, mempercayai bahawa selagi jumlah perbelanjaan dipertingkatkan perbekalan akan bertambah dengan seajar. Ekonomi yang menyebelahi perbekalan mementingkan cukai marginal sebagai perangsang untuk pertambahan daya pengeluaran. Kupasan saya telah menunjukkan bahawa Belanjawan tahun 1985 merupakan Belanjawan "ala-Reaganomics" dan menyebelahi perbekalan. Maka ke arah inilah dasar ekonomi Kerajaan sedang menuju. Yang boleh diaktakan sebagai "Malaysianomics" ialah campuran "Reaganomics", "supply side economy" serta ketiga-tiga perkara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri

iaitu rasuah, ketidakcekapan dan pembaziran dan campuran inilah yang merupakan "Malaysianomics" yang disebutkan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya memberi amaran berkali-kali kepada Kerajaan bahawa kita tidak patut terlalu optimistik akan keadaan ekonomi di Amerika Utara pada ketika ini, kita mesti berwaspada terhadap ketidakpastian pilihanraya di Amerika Syarikat serta "Reaganomics" yang dipraktis iaitu membuat yang miskin membayar lebih dari yang kaya. Walaupun sekiranya Reagan memenangi pilihanraya ini kadar faedah Amerika Syarikat yang tinggi akan berterusan. Keadaan ini akan terus menjejaskan ekonomi dunia dan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Yang Berhormat Menteri Kewangan, strategi Belanjawan untuk tahun 1985 adalah bertujuan mengukuhkan imbangan pembayaran, mengukuhkan kedudukan belanjawan sektor awam dan menggalakkan pertumbuhan sektor swasta. Pada keseluruhannya adalah sukar untuk mempercayai bahawa krisis-krisis sekitaran dan struktur dapat diselesaikan dengan begitu mudah. Selain daripada strategi tersebut, keazaman untuk mengatasi krisis-krisis ini merupakan faktor yang utama. Soalnya adakah Kerajaan mempunyai keazaman yang diperlukan?

Seperti yang telah saya katakan dalam perbahasan Belanjawan 1984, ekonomi Malaysia yang terlalu bergantung kepada perdagangan dilanda dengan krisis-krisis struktur dan kitaran, ketika harga komoditi rendah serta keadaan pasaran yang kurang baik terus mempengaruhi sumber pendapatan dan simpanan negara, Kerajaan mengalih kepada sektor swasta dan penswastan sebagai penawar untuk mengubati krisis kitaran. Masalah-masalah pokok krisis

struktur masih belum diselesaikan. Hanya usaha-usaha yang lemah telah dilakukan seperti ura-ura untuk mengawal prestasi agensi-agensi di luar Belanjawan yang merupakan sebahagian daripada pengurusan sumber-sumber kita yang amat kurang cekap. Saya telah mencadangkan suatu dasar dan strategi perindustrian terutamanya yang bersangkut-paut dengan industri yang berorientasikan eksport dan berasaskan sumber asli semasa Belanjawan 1983. Belanjawan 1984 mengandungi satu perenggan yang mengatakan bahawa Kerajaan sedang merumuskan suatu pelan induk perindustrian jangka panjang. Pada 29hb Mac tahun ini semasa perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, saya telah mencadangkan cara-cara memperbaiki galakan-galakan fiskal bagi industri yang sebenarnya adalah lebih berkesan dari perlindungan tarif.

Belanjawan 1985 telah mengatakan bahawa sekumpulan pakar-pakar antarabangsa bersama-sama pegawai-pegawai Kerajaan telah mengkaji semula serta menyiapkan suatu laporan pendahuluan mengenai segala galakan industri. Ini adalah langkah ke arah yang betul. Tambahan pula apa yang perlu dipertimbangkan ialah dasar teknologi untuk mengelakkan pengajaran teknologi yang tidak tertentu haluannya seperti yang terdapat di negara kita sekarang. Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan di jabatannya ada Jawatankuasa Teknologi tetapi kita tidak nampak dasar teknologi ke arah mana, apakah tujuannya untuk pengajaran teknologi yang kita perlukan.

Saya mengesyorkan supaya Kerajaan menambahkan usahanya untuk mengkaji semula Pelan Induk Perindustrian dan kajian ke atas sistem galakan sebagai sebahagian dari cara untuk menyelesaikan krisis struktur ekonomi kita. Sesiapa yang bekerja bersungguh-sungguh mestilah

diberi ganjaran yang berpatutan seperti juga yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan berulang kali.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata bahawa "kita tetap yakin bahawa demokrasi politik tidak lengkap dan sempurna jika rakyat tidak menikmati demokrasi ekonomi, iaitu keupayaan mengatasi kemiskinan". Ini adalah kali yang pertama di mana istilah "demokrasi ekonomi" telah terkandung dalam Belanjawan dan sekiranya ia hanya bermakna "keupayaan mengatasi kemiskinan" dan kemampuan memenuhi impian dan keazaman hendak memiliki wang secukupnya supaya hidupnya dapat lebih selesa, senang beribadat, bekerja dan menjalankan tanggungjawab terhadap keluarga dan agama", maka bentuk demokrasi ekonomi seperti ini haruslah digalakkan.

Dalam negara kita yang berbilang bangsa, jenis demokrasi ekonomi patut melampaui pengiraan perkauman, sebab kemiskinan tidak mengenal kaum, malah sebenarnya usaha merapatkan jurang perbezaan yang kaya dan yang miskin meliputi semua kaum harus menjadi tanggungjawab setiap warganegara Malaysia.

Saya ingin memberi amaran kepada pihak Kerajaan bahawa berucap mengenai demokrasi ekonomi dalam Dewan yang mulia ini adalah amat berbeza dari mengamalkan demokrasi ekonomi. Biasanya di atas nama penyertaan Bumiputera, mafia-mafia (kumpulan kongsi gelap) di dalam ekonomi akan wujud dalam semua sektor ekonomi dengan hajat memungut dan memperolehi lebih banyak wang bagi segolongan elit yang kecil, ahli-ahli kapitalis supaya dapat menikmati kehidupan yang amat mewah dan menarik perhatian

digolongan berada yang sangat kecil, tuannya-tuanpunya tanah, pengusaha-pengusaha, mereka yang mempunyai perhubungan-perhubungan yang berpengaruh dan sebagainya. Mafia-mafia ekonomi ini tidak mempunyai kesedaran batin dan tujuan mengamalkan demokrasi ekonomi yang telah ditafsirkan sebagai keupayaan mengatasi kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah topeng demokrasi ekonomi (Bumiputeraism), pegawai-pegawai segolongan kecil, pegawai-pegawai Kerajaan kanan serta ahli-ahli politik yang berpengaruh boleh menjadi mafia-mafia ekonomi sama ada di dalam Bank Negara ataupun Bank Bumiputera seperti dibayangkan dengan skandal BMF ataupun dalam agensi-agensi yang lain termasuk OBAs', bagaimana akan kita pasti yang mafia-mafia ekonomi ini tidak melindungi diri dalam hampir semua OBAs' dan Agensi-agensi Belanjawan? Maka adalah tersangat penting sekiranya terdapat usaha yang ikhlas oleh pihak Kerajaan untuk mengamalkan demokrasi ekonomi seperti yang ditafsirkan. Ia harus menahan dan mengambil langkah-langkah yang keras terhadap mafia-mafia ekonomi, yang akan akhirnya memusnahkan demokrasi ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan sumber-sumber ekonomi yang amat kurang cekap dan kekurangan disiplin kewangan yang telah membawa kepada kurangan yang bertokok tambah dalam imbangan pembayaran dan hutang negara kita telah memaksa Kerajaan beralih kepada pertambahan pengeluaran minyak asli yang terlalu tinggi.

Dalam tahun 1977, pengeluaran minyak asli secara hitung panjang berjumlah 174,500 tong sehari. Ini telah bertambah dengan 29% dari 217,000 tong sehari dalam tahun 1978

kepada 280,000 tong sehari dalam tahun 1979. Oleh kerana wujudnya Dasar Susutan Minyak Negara pada tahun-tahun 1980 dan 1981, kadar-kadar pengeluaran hitung panjang untuk tahun-tahun 1980 dan 1981 berada pada takat 275,000 dan 260,000 tong sehari. Akan tetapi dalam tahun 1982, pengeluaran minyak telah melambung naik kepada 303,250 tong sehari yang kemudiannya telah ditambah lagi kepada 381,000 tong sehari. Pengeluaran minyak asli telah ditingkatkan sebanyak 15.3% kepada 440,000 tong sehari pada tahun 1984.

Walaupun pihak Kerajaan terus membuat projeksi tahunan bagi pengeluaran minyak asli, ia tidak pernah gagal mencemuhkan projeksi-projeksi ini. Pengeluaran minyak asli telah bertambah dari 96,000 tong sehari dalam tahun 1975 kepada 229,000 tong sehari dalam tahun 1978 yang jauh melebihi projeksi Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak 180,000 tong sehari. Rancangan Malaysia Keempat menganggarkan pertambahan pengeluaran minyak asli dari 280,000 tong sehari pada tahun 1980 kepada 362,900 tong sehari dalam tahun 1985. Akan tetapi pada awal tahun 1983, pengeluaran telah mencapai jumlah 383,300 tong sehari yang jauh melampaui tingkat 362,900 tong sehari yang diramalkan untuk tahun 1985 dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat telah di bantangkan di dalam Parlimen pada bulan Mac tahun ini. Dalam kajian semula sasaran-sasaran pengeluaran bagi tahun-tahun 1984 dan 1985, pengeluaran minyak asli tahunan dijangka bertambah sehingga 440,000 tong sehari bagi tahun 1984 dan 383,500 tong sehari bagi tahun 1985. Akan tetapi selepas kurang dari 6 bulan, kita mendengar bahawa pengeluaran minyak asli dianggar berjumlah 450,000 tong sehari bagi tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pengalaman yang lepas di mana projeksi pengeluaran minyak asli tidak pernah ditepati serta kesukaran kewangan yang dihadapi oleh negara, saya mempercayai bahawa pengeluaran minyak asli akan terus dipertingkatkan. Memandangkan juga Belanjawan 1985 yang berkembang dan langkah-langkah yang tidak mencukupi untuk menstabilkan wang ringgit yang sentiasa di bawah tekanan serta kurangan imbalan pembayaran, saya tidak hairan sekiranya pengeluaran minyak asli meningkat ke 600,000 tong sehari bagi tahun 1985.

Penemuan minyak yang baru di telaga Duyong berhampiran pantai Terengganu dilihat sebagai senjata rahsia yang akan digunakan bila diperlukan. Jika di dalam tempoh Belanjawan tahun 1985 didapati kurangan-kurangan yang bertambah dalam Belanjawan Kerajaan, imbalan pembayaran semasa dan perdagangan mengancam menjadi kelam-kabut, senjata rahsia ini mungkin akan digunakan untuk mengeluarkan minyak asli dari 450,000 tong sehari kepada 600,000 tong sehari.

Pihak Kerajaan telah lama dahulu meninggalkan Dasar Susutan Minyak Negara yang telah dirumuskan pada bulan Jun tahun 1980 kerana ingin memampaskan pengurusan kewangan yang kurang cekap serta ketidakperian pertanggungjawaban awam. Semasa Rancangan Malaysia Ketiga, terdapat kebimbangan yang meluas dan kenyataan akan perlunya memelihara sumber petroleum. Laporan Ekonomi 1979/1980 mengatakan bahawa Malaysia sedang merumuskan suatu Dasar Tenaga Negara bagi pemeliharaan sumber petroleum. Ia telah mengatakan bahawa "mengenai simpanan minyaknya, Malaysia terus mengamalkan dasar mengimbangkan keperluan menggunakan hasil minyak

secara cekap untuk pembangunan ekonomi dan keperluan memelihara sesuatu sumber yang boleh susut dan tidak boleh diperbaharui". Laporan Ekonomi 1980/1981 dan Laporan Ekonomi 1981/1982 telah terus berkata mengenai Dasar Susutan Minyak Negara.

Adalah amat menarik perhatian untuk mendapati bahawa mulai dari Laporan Ekonomi 1982/1983 hingga Laporan Ekonomi 1984/1985 yang akhir ini, tiada sepatah perkataan pun dilafazkan mengenai pemeliharaan petroleum. Sebaliknya kita melihat pertambahan pengeluaran minyak yang berterusan dari setahun ke setahun tanpa mengira hakikat bahawa sekiranya pergantungan terhadap minyak ini diteruskan, Malaysia akan menjadi pengimport minyak menjelang tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, pada 17 haribulan ini, Yang Berhormat Menteri Kehakiman telah berkata memandangkan keadaan kini, pihak Kerajaan telah melaksanakan Dasar Susutan Minyak Negara sejak 1hb Jun, 1980. Kenyataan beliau menunjukkan kejahilan beliau tentang keadaan sebenar mengenai pengeluaran minyak di negara ini yang telah saya sebutkan tadi.

Memandangkan penawaran petroleum yang melebihi permintaan, serta harga minyak asli yang lemah dan kurang stabil, trend kini adalah untuk menambahkan pergantungan ekonomi terhadap minyak asli bagi memperbaiki kesusahan kewangan pihak Kerajaan pada masa ini. Harga minyak asli sedang merosot semenjak 2½ tahun yang lalu terutamanya pada bulan Mac 1983, misalnya harga rasmi telah jatuh dari US\$33 pada tahun 1983 kepada hanya US\$29 sekarang semenjak tahun 1983. Oleh itu pihak Kerajaan kemudiannya telah meninggalkan dasar pemeliharaan minyak dan menambahkan

pengeluaran secara beransur-ansur untuk mengatasi kemerosotan dalam harga.

Saya ingin menekankan bahawa kita sedang meletakkan asas ekonomi yang amat merbahaya, sebab seandainya keadaan ekonomi antarabangsa telah bertambah buruk dan harga minyak asli akan jatuh lagi, keadaan ekonomi Malaysia akan menjadi lebih buruk. Pihak Kerajaan harus memberhentikan amalan menarik balik apa yang dilafazkan dan mengambil langkah-langkah konkrit untuk melaksanakan Dasar Susutan Minyak Negara yang sudah 4 tahun itu secara berkesan. Kerajaan harus mempunyai niat untuk melaksanakan dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini terdapat ura-ura untuk menukar dari minyak kepada gas. Simpanan gas Malaysia pada masa sekarang berjumlah 39 trillion kaki padu. Ini juga boleh susut. Jumlah pengeluaran Gas Asli Cecair, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, Liquefied Natural Gas (LNG) Malaysia dalam tahun 1984 dianggarkan berjumlah 3.7 juta tan yang dijangka menunjukkan pertambahan sebanyak 102.2% dari 1.83 juta tan yang dikeluarkan dalam tahun 1983.

Menurut Pengerusi PETRONAS, menjelang 20 tahun yang akan datang, projek LNG dijangka membawa pendapatan eksport sebanyak \$70 billion. Dalam tahun pertamanya, yakni tahun 1983, projek LNG telah menyumbangkan lebih kurang \$1 billion atau 3% daripada jumlah eksport Malaysia. Pada tahun ini, eksport LNG dijangka bertambah menjadi \$2.2 billion bila pengeluaran ditingkatkan kepada 3.7 juta tan metrik setahun. Adalah dianggarkan bahawa menjelang tahun 1986, loji LNG akan mengeluarkan pada takat maksima sebanyak 6 juta tan metrik setahun, dan hasil eksport dari LNG mungkin mencapai \$3.5 billion. Ini

adalah jauh lebih rendah dari apa yang dijangkakan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Sebagai langkah sementara, mengalih dari minyak kepada gas, mungkin merupakan jawapan kepada dasar susutan minyak negara yang sudah 4 tahun itu. Walau bagaimanapun, tahun 1984 adalah hanya tahun kedua projek LNG dan kesanggupan pengeluaran tidak mencukupi bagi mengadakan alternatif kepada minyak asli yang akan amat diperlukan bagi menyelamatkan Belanjawan menjelang pilihanraya ini.

Tuan Yang di-Pertua, simpanan gas kita sebanyak 39 trillion kaki padu itu sudah tentunya lebih besar dari 2.9 billion tong simpanan minyak kita. Sebaliknya pengeluaran gas yang tidak terkawal adalah juga kurang diingini. Kita mesti mengadakan panduan yang tetap, sasaran dan arah. Sekiranya kita tidak membuat demikian, dengan kekurangan tenaga yang akan dihadapi oleh generasi-generasi akan datang, mereka akan menyalahkan kita kerana menyusut sumber-sumber yang bernilai dan tidak boleh diperbaharui ini secara membazir. Sudah tentu kita memerlukan langkah-langkah berkesan untuk menentukan yang hasil dari eksport LNG seperti dari minyak, digunakan secara berkesan termasuk pembinaan infrastruktur dan pembangunan jangka panjang iaitu aktiviti produktif. Dengan hanya menyalurkan hasil ini untuk perbelanjaan mengurus akibat dari penyalah urusan sumber asli sepertimana yang dilambangkan oleh skandal BMF tidak dapat diterima oleh rakyat.

Maka terdapat keperluan untuk suatu dasar susutan gas negara, seperti juga keperluan bagi suatu dasar susutan minyak negara dengan peruntukan yang cukup bagi pelaksanaan yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, pengaliran LNG bermula dari tahun 1983 ketika loji di Bintulu mula mengeksport ke Jepun untuk 20 tahun yang akan datang. Bekalan LNG dijanjikan kepada dua buah syarikat Jepun. Dengan monopoli Jepun ke atas perdagangan LNG yakni sebanyak 80% daripada pasaran dunia, Malaysia berada dalam kedudukan yang lemah untuk merundingkan harga kontrak. Rancangan Malaysia Keempat menjangka harga LNG pada paras \$821 setan, tetapi harga pasaran dunia semasa adalah lebih kurang hanya \$600 setan sahaja. Sebenarnya, terdapat sumber-sumber gas di negara-negara lain seperti Kanada.

Saya tidak faham mengapa pihak Kerajaan telah merahsiakan harga LNG yang telah dirundingkan dengan Jepun. Harus ditekankan bahawa pengeluaran LNG yang terlalu tinggi pada masa sekarang di rantau ini, dan harga minyak dunia yang kian merosot kerana bekalan yang melebihi keperluan dalam pasaran dunia, harga LNG Malaysia adalah tidak stabil. Kos modal bagi melancarkan loji Bintulu adalah amat tinggi iaitu \$4.5 billion. Ini memerlukan pembayaran balik tahunan yang tinggi termasuk kos faedah. Hasil dari eksport LNG mungkin tidak mencukupi untuk membayar kesemua ini.

Shell dan Mitsubishi memiliki 17% masing-masing manakala PETRONAS memiliki 65% dari loji LNG Bintulu. Oleh itu, keuntungan dan kos mendapat kembali yang dimiliki oleh rakan-rakan perkongsian asing loji ini akan mengurangkan agihan eksport dalam negeri. Persoalannya ialah mengapa kita mesti melibatkan begitu banyak sumber-sumber LNG kepada eksport. Adalah diperingatkan bahawa keperluan LNG oleh rakyat Malaysia akan bertambah apabila simpanan minyak asli mula merosot. Adalah amat jelas yang hasil

eksport LNG tidak akan membantu jumlah hasil eksport dengan begitu banyak seperti yang diramalkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata bahawa episod BMF yang kurang menyenangkan telah berlalu dan bahawa pihak Kerajaan tidak akan ragu-ragu mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat. Kita mengharapkan tindakan-tindakan konkrit dari Kerajaan, akan tetapi, selagi suatu laporan yang sempurna tidak diumumkan kepada orang ramai dan dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini, diikuti dengan langkah-langkah yang sesuai, episod yang kurang menyenangkan ini tidak boleh menjadi sesuatu perkara yang telah berlalu terutamanya apabila Kerajaan ingin memenuhi janjinya kepada rakyat supaya mengukuhkan pentadbiran Kerajaan agar menjadikan suatu yang bersih, cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan bahawa dengan perkara ekonomi, seperti Belanjawan, terdapat suatu peralatan statistik yang meluas dan istilah-istilah teknik yang sukar difahami, yang meninggalkan kita hilang dalam hutan kebingungan. Perkara-perkara seperti pengurangan dalam cukai pendapatan seperti diperlihatkan dalam Belanjawan ini, akan memberi kesan kesejahteraan dan kegembiraan jangka pendek kepada kurang daripada 10% penduduk Malaysia yang membayar cukai pendapatan perseorangan. Sebaliknya, kesan jangka panjang struktur pencukaian baru ini akan perlu diikuti dan dikaji secara rapi sebab kemungkinan menambahkan jurang perbezaan di antara yang miskin dan yang kaya.

Walau bagaimanapun, darihal perasaan kecewa yang berpunca dari penyalahurusan sumber-sumber kita seperti skandal BMF, pendapat seseorang rakyat biasa adalah sebaik

pendapat seseorang pakar. Isu yang hangat ini akan terus dibincangkan untuk masa yang lama sehingga dan setelah keadilan dilaku dan diperlihatkan. Biarlah apa jua jaminan Kerajaan, selagi ia terus menolak penubuhan Suruhanjaya Siasatan Di-Raja seperti penolakan usul mengenainya semasa perbincangan skandal BMF pada 18hb bulan ini, skandal ini akan terus berbau busuk dan menyakitkan hati. Ia merupakan detik hitam yang melambangkan kemuncak ketiadaan tata-tertib dan ketidak warasan fikiran kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lepas, Yang Amat Berhormat telah mengatakan bahawa ada golongan yang berusaha untuk melibatkan Bank Bumiputra dengan BMF dan beliau telah juga mengatakan bahawa ada usaha untuk mencemuhkan Bank Bumiputra. Di sini saya hendak menekankan bahawa BMF adalah anak syarikat Bank Bumiputra dan bila kita sebutkan BMF, kita sebutkan Bank Bumiputra. Bila ada satu pelan untuk menyelamatkan BMF, pelan ini ialah untuk menyelamatkan Bank Bumiputra. Itulah satu hakikat. Dan dalam satu demokrasi berparlimen yang sentiasa dilaung-laungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, satu prinsip yang pokok ialah penerimaan hakikat bahawa tanggungjawab jawatan, apabila berlakunya skandal BMF tanggungjawab ini perlulah diambil dan dibebankan oleh pihak yang memerintah. Satu hakikat yang tidak boleh ditolak ke pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai hutang negara, di sini saya hendak membincangkan perkara ini dengan panjang lebar dengan bukti-bukti yang saya perolehi di dalam beberapa tahun ini.

Jumlah hutang negara yang belum diselesaikan telah meningkat dengan hebatnya pada tahun-tahun

kebelakangan ini. dalam tahun 1984, jumlah hutang yang belum diselesaikan adalah \$87,746 juta di mana \$36,587 juta merupakan hutang dalam negeri dan \$21,159 juta merupakan hutang luar negeri. Jumlah pinjaman pasaran luar negeri pula membentuk \$15,791 juta.

Pada akhir tahun 1982, jumlah hutang yang belum diselesaikan adalah \$40,828 juta berbanding dengan \$30,146 juta pada tahun 1981 dan \$23,146 juta pada tahun 1980 atau pertambahan sebanyak 35% dan 30% masing-masing. Timbalan Setiausaha Agong Perbendaharaan telah mengakui bahawa pertambahan sebanyak ini adalah sangat tidak wajar.

Jumlah pinjaman bersih Kerajaan Persekutuan yang telah dirancang berjumlah \$9,537 juta dan ini menambahkan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan yang belum diselesaikan kepada kira-kira \$50,000 juta pada akhir tahun 1983 atau suatu pertambahan sebanyak 23% berbanding dengan 1982. Mengikut nisbah Keluaran Negara Kasar, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan yang belum diselesaikan pada akhir tahun 1983 adalah dianggarkan lebih daripada 9% berbanding dengan 1% pada akhir tahun 1982.

Jumlah hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan telah bertambah dengan 33.8% dari \$12,542 juta pada akhir tahun 1982 kepada \$16,786 juta pada tahun 1983. Jumlah hutang luar negeri yang belum diselesaikan merupakan 35% daripada hutang belum jelas Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 1983. adalah mengkagumkan bahawa pinjaman pasaran telah bertambah dengan 44.7% dari akhir tahun 1982 hingga ke akhir tahun 1983.

Jumlah hutang belum jelas luar negeri adalah dianggarkan akan bertambah dengan 26% dari \$16,786 juta pada tahun 1983 kepada \$21,159

juta pada tahun 1984 iaitu 37% daripada jumlah hutang belum jelas Kerajaan Persekutuan.

Walaupun jumlah pinjaman oleh Kerajaan Persekutuan yang telah dirancang adalah 11% lebih rendah daripada jumlah pinjaman \$10,682 juta pada tahun 1982, khidmat bayaran hutang telah meningkat dengan 44% kepada \$3,930 juta dalam tahun 1983 berbanding dengan \$2,723 juta dalam tahun 1982, yang merupakan 22% daripada hasil Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1983 berbanding dengan 16% dalam tahun 1982.

Kenaikan dalam pinjaman luar negeri yang mencemaskan itu telah menyebabkan pertambahan dalam khidmat hutang. Jumlah khidmat bayaran hutang untuk 1984 adalah dianggarkan berjumlah \$4,805 juta. Bayaran faedah sahaja adalah amat besar di mana faedah untuk hutang dalam negeri berjumlah \$2,568 juta dalam tahun 1984 berbanding dengan \$2,236 juta dalam tahun 1983; dan bayaran faedah atas hutang luar negeri berjumlah \$2,204 juta berbanding dengan \$1,194 juta dalam tahun 1983.

Kerajaan perlu bertanggungjawab terhadap jumlah besar khidmat bayaran hutang yang kian bertambah akibat daripada hutang negara yang tidak terkawal terutamanya hutang luar negeri yang telah terhimpun dalam tahun-tahun yang lepas dan saiz pinjaman pasaran yang mengenakan kadar faedah perdagangan yang amat tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, nisbah khidmat hutang yang kian meningkat itu adalah akibat dari pertambahan hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan yang pantas, kadar bunga yang tinggi yang dikenakan oleh pinjaman pasaran dan pertambahan dalam pendapatan eksport yang rendah secara relatif. Walaupun pada tujuh bulan pertama tahun ini eksport nampaknya ada bertambah.

Nisbah khidmat hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan yang menyukat bayaran-bayaran principal dan faedah oleh Kerajaan Persekutuan ke atas pinjaman-pinjaman luar negeri berbanding dengan pendapatan-pendapatan eksport barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan bukan faktor negara ini adalah dianggarkan telah bertambah daripada 4.4% dalam tahun 1982 kepada 6.0% dalam tahun 1983.

Jumlah pinjaman luar negeri Kerajaan Persekutuan terdiri daripada pinjaman projek, pinjaman pasaran, kredit pembekal dan resit-resit khas. Adalah amat memeranjatkan bahawa pinjaman pasaran bersih membentuk 85% atau \$3,271 juta daripada jumlah pinjaman bersih luar negeri untuk tahun 1983. Pada tahun 1984 pinjaman pasaran bersih adalah dianggarkan akan meningkat sebanyak 6% kepada \$3,484 juta.

Belanjawan 1985 menunjukkan bahawa mereka yang mempunyai pendapatan yang boleh dikenakan cukai yang tinggi akan menikmati pengurangan cukai yang besar di bawah sistem cukai yang baru. Langkah mengurangkan cukai ini akan mengurangkan hasil Kerajaan sebanyak \$327 juta atau lebih tanpa jaminan bahawa dalam jangka masa pendek ia akan menghasilkan pelaburan baru yang akan membawa lebih hasil kepada negara ini. Tambahan pula, walaupun setengah-setengah golongan adalah gembira dengan Belanjawan 1985, adalah sukar untuk mengesan bagaimana langkah-langkah yang diambil itu akan menambahkan hasil pendapatan Kerajaan. walau bagaimanapun adalah besar kemungkinan bahawa Kerajaan akan menambahkan hutang negara.

Menurut perhitungan pihak Kerajaan pengurangan cukai akan merugikan Kerajaan \$359.3 juta, akan tetapi pertambahan cukai dengan

serentakny akan menguntungkan Kerajaan \$399.3 juta. Adakah pertambahan cukai ini akan membawa hasil seperti yang dijangkakan? Satu soalan yang besar. Angka-angka yang saya berikan di atas menunjukkan keadaan jumlah hutang luar negeri yang merisaukan. Kerajaan membelanjakan dengan terlalu banyak dan meminjam dengan terlampau banyak. Adalah mendesak bahawa Kerajaan perlu mengurangkan penggantungan yang terlampau terhadap pinjaman luar negeri. Sektor awam perlu menangguhkan atau membatalkan projek-projek besar yang memerlukan pinjaman luar negeri misalnya projek Proton Saga oleh HICOM.

Kerajaan perlu mengambil berat mengenai jumlah besar pinjaman pasaran yang besar dengan memberhentikan pertambahan pinjaman pasaran yang hebat.

Pertama, ia telah mengakibatkan khidmat bayaran yang terlampau tinggi.

Kedua, untuk pinjaman pasaran, Kerajaan tidak perlu bertanggungjawab terhadap wang yang dibelanjakan. Akibatnya, orang ramai tidak mengetahui bagaimana jumlah besar wang pinjaman pasaran yang membentuk 85% daripada jumlah hutang luar negeri telah digunakan selama ini. Kita juga tidak tahu sama ada wang itu telah digunakan dengan berhati-hati ataupun telah disalahurus atau disalahgunakan.

Saya ingin memberi amaran kepada Kerajaan bahawa Belanjawan 1985 yang berkembang akan memburukkan kurangan akaun semasa kecuali pendapatan eksport menunjukkan pertambahan yang menggalakkan. Jika keadaan kemerosotan berterusan, Kerajaan terpaksa meminjam dengan lebih dan akhirnya terperangkap oleh

“perangkap hutang”. Sebaliknya adalah besar kemungkinannya masalah imbalan pembayaran yang buruk akan memaksa Kerajaan mengubah Belanjawan berkembang ini kepada Belanjawan berpencutan pada masa yang akan datang dalam 1985 dalam tempoh Belanjawan 1985.

Tuan Yang di-Pertua, jika dibandingkan dengan Keluaran Negara Kasar (KNK), maka kita boleh melihat betapa besarnya masalah hutang negara. Kini dasar Belanjawan dan dasar fiskal belum mendatangkan kesan yang dikehendaki, yang terpentingnya pinjaman-pinjaman pasaran dengan kadar faedah yang tinggi hendaklah dikurangkan kerana ketidakperian pertanggungjawaban. Sekurang-kurangnya pinjaman-pinjaman projek adalah dikawalkan oleh agensi yang memberi pinjaman-pinjaman dan dengan sedikit sebanyak pertanggungjawaban awam, malahan 80% pinjaman-pinjaman pasaran adalah berpunca daripada Amerika Syarikat. Ini bererti kita terdedah kepada kadar faedah yang tinggi di Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bercakap panjang lagikah? Yang Berhormat sudah bercakap satu jam lebih, jikalau terlampau panjang, barangkali Ahli-ahli DAP yang lain-lain tidak dapat peluang berucap.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya akan potongkan sebahagian besar.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr Tang Seng Giaw: Berapa minit lagi yang saya diberikan?

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau boleh dalam 5 minit. Yang Berhormat bercakap 1 jam 15 minit.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, masalah pengaliran wang keluar dari negara kita untuk bayaran tak ketara telah meningkat sebanyak

23.2% iaitu dari \$11,661 juta dalam tahun 1982 kepada \$14.361 juta dalam tahun 1983. Dalam tahun 1984 bayaran tak ketara dijangkakan akan terus meningkat, tetapi dengan kadar yang lebih perlahan sedikit iaitu sebanyak 15.8% sahaja kepada \$16,624 juta. Bagi tahun 1985 ia akan meningkat sebanyak 6.6% kepada \$18.221 juta.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun langkah-langkah kononnya telah diambil untuk mengurangkan bayaran tak ketara ini, akan tetapi keberkesanan masih tidak ketara. Dan di sini saya hendak menunjukkan bagaimana bayaran tak ketara ini tidak dapat dikurangkan, seperti yang berlaku tiap-tiap hari di pelabuhan-pelabuhan kita.

Saya tidak mempunyai masa lagi untuk memanjanglebarakan. Walau bagaimanapun, faktor yang pentingnya masalah kontena daripada pelabuhan. Masalah ini sangat rumit, faktor-faktor yang menyebabkan masalah import dan eksport kotak-kotak FCL adalah terdiri dari pergerakan kontena di kawasan pelabuhan, keupayaan haulier, prestasi agen penghantar, kesesakan di jalanraya, agen perkapalan, Jabatan Kastam, dan pengimportan serta pengeksportan. Masalah itu bermula sejak tahun 1973 dan dengan bermulanya sistem kontena di Malaysia.

Kita terdapat dua syarikat haulier, Kontena Nasional dan Shapadu Kontena yang tidak dapat menampung keperluan. Walaupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengarahkan supaya prestasi dipertingkatkan keadaan adalah masih tidak memuaskan. Oleh itu, langkah “unstuffing” kotak-kotak FCL telah diambil untuk mengurangkan kesesakan, sebagai satu alternatif kepada penggunaan perkhidmatan “hauliers”.

Lembaga Pelabuhan Kelang memberikan tempoh perkhidmatan percuma hanya 7 hari untuk kotak-kotak kontena FCL dibawa keluar. Jika tempohnya melebihi 7 hari, maka bayaran "storage" dikenakan dengan kadar \$15 sekotak sehari. Akan tetapi, pihak syarikat perkapalan asing mengenakan bayaran selepas 7 hari itu seperti berikut: dalam tiga hari pertama selepas tempoh percuma: \$25 sekotak sehari, empat hari selepas itu \$50 sekotak sehari dan \$75 sekotak sehari seterusnya. Adalah didakwakan bahawa LPK mengutip bayaran "demurrage" dan "storage" ini bagi pihak syarikat perkapalan asing.

Adalah dianggarkan bahawa pengaliran wang keluar negeri yang tak ketara melalui bayaran "demurrage" bahaya di Pelabuhan Kelang ini sebanyak sekurang-kurangnya \$20 juta. Salah satu faktor utama ialah kerana kedua-dua "hauliers" yang ada tidak mempunyai prestasi yang memuaskan.

Pada 1hb Oktober, 1984 Jawatankuasa Penyelarasan Kontena telah memutuskan bahawa "unstuffing" kotak-kotak FCL diberhentikan dan tempoh perkhidmatan percuma dipendekkan dari tujuh hari ke lima hari. Kedua-dua cadangan ini telah dikemukakan oleh I.S.O.A. (International Shipowners' Association) dan M.I.C.C.I. (Malaysian International Chamber of Commerce) yang merupakan syarikat asing. Dengan keputusan tersebut mereka akan mendapat keuntungan yang besar. Mereka mengambil kesempatan ini kerana kelemahan sistem "haulier" dan kecekapan pelabuhan yang kurang memuaskan.

Saya menyeru supaya pihak Kerajaan menyelesaikan masalah ketidakmampuan "haulier" dan bayaran "demurrage" dengan secepat mungkin sebagai langkah positif untuk mencegah pengaliran wang keluar negeri.

Salah satu faktor yang menyebabkan kotak-kotak FCL tidak boleh dikeluarkan dari pelabuhan dengan cepat ialah prosedur dan proses kastam. 5 tahun yang lalu, Yang Berhormat Mulia bekas Menteri Kewangan dan selaku Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah membuat lawatan ke Pelabuhan Kelang, kononnya satu tapak untuk bangunan kastam telah dikenalpastikan. Sehingga sekarang pihak kastam masih tidak mempunyai tempat sendiri dan pejabat-pejabat untuk kira-kira 400 pegawai adalah berselerak di kawasan pelabuhan itu. Masalah mendapat surat keterangan dan proses kastam telah menjejaskan kelincinan untuk memungkah kotak-kotak FCL. Selain dari ketiadaan bangunan kastam sendiri, terdapat 11 bahagian kastam yang mesti dilalui sebelum kelulusan. Dengan adanya kira-kira 200 agen penghantar dan katakan satu agen mempunyai 5 dokumen sehari, ini bermakna jumlah dokumen yang hendak diproses ialah sekurang-kurangnya 1,000. Jika dokumen ini diproses oleh 11 bahagian kastam, bayangkanlah betapa rumitnya.

Oleh yang demikian, saya mendesak supaya pihak Kerajaan mengambil langkah-langkah yang berkesan dengan serta-merta untuk menyelesaikan masalah surat keterangan dan proses kastam yang menjejaskan perjalanan di Pelabuhan Kelang sebagai satu langkah positif untuk mengurangkan pengaliran wang negara ke luar negeri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang.

6.02 ptg.

Tuan V. Govindaraj (Pelabuhan Kelang): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1985 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Negara. Dengan

izin Tuhan yang maha kuasa, saya berpeluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan untuk tahun 1985 bersama-sama dengan saudara-saudari sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin merakamkan ribuan terima kasih bagi pihak masyarakat Malaysia kepada pihak Kerajaan 2M dan Yang Berhormat Menteri Kewangan atas kecemerlangan dalam membentangkan perbelanjaan tahun 1985 walaupun keadaan ekonomi dunia bertambah pulih dengan lebih baik. Pemulihan ekonomi ini sedikit sebanyak didapati membawa "phenomena" yang lain, seperti meningkatkan kadar faedah bank yang membebankan negara-negara membangun seperti negara kita dalam keadaan di mana hutang Kerajaan tidak dapat dijelaskan secepat yang boleh. Keadaan ini tidak seharusnya menjadi benteng penghalang keinginan dan keazaman Kerajaan kita bagi menjelaskan hutang-hutang Kerajaan kepada negara-negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, strategi Belanjawan untuk tahun 1985 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan merupakan langkah positif pihak Kerajaan bagi menghadapi cabaran masalah ekonomi di negara kita. Cadangan jumlah sebanyak \$29,191 juta yang diperuntukkan bagi Belanjawan 1985 yang mana \$21,538 juta atau 74% bagi perjalanan perbelanjaan Mengurus, \$7,653 juta atau 26% bagi perbelanjaan Pembangunan, pertambahan 5% dari jumlah peruntukan Belanjawan 1984. Ini merupakan hasil tindakan pihak Kerajaan yang paling dinamik melalui perancangan yang terperinci perbelanjaan negara, demi kepentingan bangsa dan nusa. Walau bagaimanapun, di sektor perbelanjaan Mengurus dalam Belanjawan 1985 terdapat pertambahan sebanyak \$2,522 juta atau 13% melebihi Belanjawan 1984 di mana sebahagian

besar dari wang ini mengalir ke luar bagi menampung kenaikan dalam perbelanjaan bayaran hutang negara. Bagi mengatasi masalah ini, pihak Kerajaan seharus dan semestinya pada masa-masa akan datang mengurangkan pinjaman-pinjaman Kerajaan dari luar negeri dan harus berwaspada bahawa dalam jangka masa yang panjang, pinjaman-pinjaman seperti ini tidak sihat kepada sebuah negara yang pesat membangun seperti negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada setiap tahun Kerajaan kita telah membelanjakan berjuta-juta ringgit melalui Belanjawan Tahunan. Dari saat kemerdekaan negara kita di mana kita menerima demokrasi politik melalui pentadbiran Kerajaan Perikatan hingga kini di bawah pentadbiran Kerajaan 2M Barisan Nasional melalui kekuatan demokrasi politik ini, saya mohon dan memesan Kerajaan 2M supaya mewujudkan demokrasi ekonomi serta memeliharanya demi kepentingan bangsa dan negara. Demokrasi ekonomi ini bermakna setiap warganegara di bumi Malaysia harus menikmati keadilan ekonomi disemua aspeknya. Keadaan ini amat penting pada ketika ini dan amat perlu dikehendaki dan diharapkan oleh seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kegagalan atau ketidak inginan pihak Kerajaan bagi menerima atau menimbangkan cadangan ini akan memberi kesan-kesan negatif kepada tujuan dan harapan pihak Kerajaan dalam jangka masa yang panjang. Walaupun Kerajaan dengan ikhlas membelanjakan berjuta-juta ringgit demi kepentingan kemajuan dan pembangunan negara, tetapi jikalau keharmonian dan perpaduan masyarakat Malaysia tidak diwujudkan, maka tindakan dan rancangan-rancangan pihak Kerajaan akan gagal serta segala perbahasan

kita di Dewan yang mulia ini akan menjadi tidak bermakna serta tidak berhasil.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kemerdekaan telah dicapai tetapi pihak Kerajaan dan rakyat harus berganding bahu kerana mereka mempunyai tanggungjawab dan tugas bagi membawa kemajuan pembangunan dan keharmonian dalam sebuah negara. Sepertimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato Musa Hitam, Timbalan Perdana Menteri negara kita, "dasar kegunaan serampang dua mata melalui Dasar Ekonomi Baru, adalah untuk membasmi kemiskinan dan bagi penyusunan masyarakat". Dalam suasana dan keadaan ini terhadap golongan-golongan yang sentiasa menggerakkan aktiviti-aktiviti anti nasional, seperti golongan ekstremis perkauman, oportunistik politik, anasir-anasir ekstremis agama.

Tuan Yang di-Pertua, di kalangan ekstrim-ekstrim ini seperti Encik Mohamed Mansur Abdullah, seorang penulis buku Kesusasteraan Melayu Klasik, sebuah buku Bimbingan STPM, orang-orang seperti Encik Mohamed Mansur Abdullah adalah pengkhianat bangsa, agama dan negara. Walaupun Encik Mohamed Mansur Abdullah merupakan seorang yang terpelajar tetapi malangnya cerdik pandai seperti ini menyalahgunakan tulisan-tulisan mereka untuk perkara-perkara yang tidak sihat. Mereka juga ingin mengungkitkan prasangka di antara berbagai kaum di negara ini di mana kita hidup atas perasaan persaudaraan. Orang seperti Encik Mohamed Mansur Abdullah tidak tahu apa dia nilai kemanusiaan. Sebelum mencemarkan nilai-nilai ini, orang seperti Encik Mohamed Mansur Abdullah bukan sahaja ghairah untuk cuba meracuni pemikiran para pemuda-pemudi di peringkat bangku sekolah melalui tulisan mereka kerana

mereka tahu bahawa sekolah-sekolah merupakan tempat bagi melahirkan bakal pemimpin-pemimpin negara. Tulisan-tulisan seperti ini bukan sahaja akan menghalang perpaduan dan keharmonian di kalangan kaum di negara ini bahkan ia juga akan membawa, dengan izin, disrespect to the religion.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai warganegara Malaysia sentiasa menghormati ke semua agama dan kepercayaan masing-masing seperti juga saya menghormati Agama Islam sebuah agama yang suci tetapi orang-orang seperti Encik Mohamed Mansur Abdullah ingin menggunakan agama sebagai satu cara dan jalan bagi menghindar kaum yang lain. Tindak tanduk seperti ini amat sangat tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon agar pihak Kerajaan supaya mengenalpasti orang-orang seperti ini serta ajaran mereka yang mengandungi unsur-unsur yang akan mengakibatkan polarisasi kaum di negara kita. Pihak pegawai-pegawai Kerajaan seharusnya menjalankan tugas mereka dengan lebih bertanggungjawab. Kecuaian dan ketidakefisyenan mereka akan membawa masalah yang mana terpaksa dihadapi oleh pihak Kerajaan. Buku yang dikeluarkan oleh Encik Mohamed Mansur Abdullah seharusnya diharamkan di peringkat awal oleh Biro yang meluluskan keluaran buku-buku teks. Kegagalan mereka telah menyebabkan timbulnya berbagai masalah yang terpaksa dihadapi oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada pihak Kerajaan bagi pihak masyarakat India Malaysia supaya buku ini diharamkan sama sekali bukan dikoyak dua muka sahaja serta pihak Kerajaan harus mengambil tindakan sewajarnya terhadap Encik Mohamed Mansur Abdullah di mana

tindakan ini sebenarnya mencerminkan satu keadaan yang sebenar di mana pada masa akan datang keadaan seperti ini tidak diulangi oleh sesiapa pun terhadap mana-mana kaum di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kini terdapat oportunitis politik di kalangan kita yang mana tidak mempunyai tanggungjawab. Mereka ini gagal untuk mengetahui apa dia konsep persaudaraan Parti Barisan Nasional di dalam menghadapi sesuatu cabaran dan masalah. Setiap cabaran dan masalah ini harus dihadapi atas dasar dan konsep persaudaraan Barisan Nasional bagi mencari penyelesaian terhadap hal-hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi malangnya pemimpin-pemimpin oportunitis politik ini bukan sahaja menjurus minyak ke atas kebajikan bahkan mereka adalah orang-orang yang bertanggungjawab bagi memburukkan perhubungan serta keharmonian yang berjaya dijalin setakat ini.

Pihak Kerajaan Barisan Nasional harus mengenal pasti pemimpin-pemimpin oportunitis politik ini yang ada di kalangan kita kerana pemikiran dan amalan pemimpin-pemimpin ini bukan untuk mencari penyelesaian terhadap sesuatu masalah melalui konsep persaudaraan Barisan Nasional di peringkat Kabinet malahan keinginan dan kenafsuan mereka adalah untuk meniupkan seruling dan memukul gendang di khalayak rakyat. Melalui perbuatan seperti ini mereka melupakan tugas dan tanggungjawab serta kedudukan mereka sebagai pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon pihak Kerajaan supaya memberi perhatian yang serius terhadap perkara ini supaya perkara-perkara serta kejadian seperti ini tidak diulangi lagi oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Pemimpin-pemimpin

Barisan Nasional yang mewakili kaum mempunyai tanggungjawab bagi nasihat pihak masyarakat terhadap segala rancangan-rancangan Kerajaan serta polisinya. Mereka juga mempunyai tanggungjawab yang sama bagi mengemukakan segala kehendak dan keinginan pihak masyarakat kepada pengetahuan Kerajaan. Tugas dan peranan mereka seharusnya selalu berfungsi bagi melahirkan persefahaman, persaudaraan di antara kaum-kaum serta bagi mengeratkan perhubungan di antara masyarakat dengan Kerajaan supaya dapat melahirkan suatu generasi muda-mudi yang bakal pemerintah Kerajaan ini melalui Parti Barisan Nasional dengan konsep utamanya bagi melahirkan keharmonian dan kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Barisan Nasional harus membawa perubahan dalam Jabatan Perpaduan Negara di mana Jabatan ini harus berfungsi sebagai sebuah Jabatan yang bergerak di atas prinsip dan konsep persaudaraan Barisan Nasional, di semua aspek dan bidang tugas mereka bagi melahirkan suatu masyarakat yang betul-betul Malaysia melalui konsep keMalaysiaan apabila merancang sesuatu projek ataupun semasa Kerajaan mengimplementasi sesuatu projek di kalangan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan harus memberi lebih tanggungjawab dan kuasa kepada pihak Jabatan Perpaduan Negara supaya ia dapat bertindak dan mengenalpasti segala aktiviti-aktiviti polarisasi kaum di semua peringkat Kerajaan dan swasta serta diperbaiki. Jabatan Perpaduan Negara harus menggunakan prinsip Rukunegara sebagai satu garis panduan bagi mengeratkan persaudaraan di antara semua kaum di negara kita. Pihak Kerajaan seharusnya menetapkan supaya semua Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan mendapatkan nasihat serta cadangan dari pihak

Jabatan Perpaduan Negara apabila pihak Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan ingin merancang sesuatu rancangan untuk masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kebelakangan ini keanggotaan pihak kaum-kaum berasaskan konsep persaudaraan Barisan Nasional di agensi-agensi Kerajaan dan badan-badan Kerajaan tidak memuaskan, oleh yang demikian saya memohon kepada pihak Kerajaan supaya memberikan perhatian serta keutamaan kepada semua kaum supaya mereka juga dapat memberikan pandangan dan pendapat dalam setiap rancangan Kerajaan. Kelonggaran dalam konsep ini akan menghasilkan ketidak persefahaman di antara kaum-kaum apabila sesuatu rancangan diimplimentasikan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyentuh berkenaan dengan peranan dan aktiviti-aktiviti agensi-agensi di luar Belanjawan (OBA) yang mana Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan secara terus terang bahawa walaupun agensi-agensi ini merupakan suatu lagi cabang pelaburan sektor awam, kesannya ke atas ekonomi negara tidak begitu memuaskan.

Ketiadaan pengawasan dan pengurusan terhadap perbelanjaan agensi-agensi OBA akan membawa kesan negatif terhadap imbalan pembayaran serta kedudukan kewangan sektor awam. Memandangkan ini saya mengalu-alukan tindakan pihak Kerajaan bagi mengurangkan perbelanjaan agensi-agensi ini pada tahun 1985. Pihak kita harus menerima saranan Kerajaan bagi menggalakkan rancangan penswastan atas perkhidmatan yang diberikan oleh agensi-agensi OBA. Walau bagaimanapun berasaskan kepada kedudukan ini pihak Kerajaan seharusnya dan semestinya bertindak supaya kesemua agensi-agensi OBA

dibenar memberikan akaunnya kepada Parlimen. tindakan ini adalah selaras dengan konsep Kerajaan bagi mengadakan pengawasan dan pengurusan yang rapi terhadap perbelanjaan mereka yang mana ia akan membantu pihak Kerajaan untuk menyelaraskan segala rancangan Kerajaan berasaskan kedudukan dan perkembangan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, di bumi Malaysia kita tidak ada agensi-agensi atau institusi-institusi yang lebih agung daripada Dewan yang mulia ini. Inilah Dewan yang teragung sekali yang memutuskan kelulusan terhadap segala rancangan-rancangan Kerajaan memandangkan ini kesemua agensi-agensi OBA harus ditetapkan supaya mereka juga membentangkan akaun-akaun yang bersabit dengan hasil dan perbelanjaan mereka kepada Dewan yang mulia ini. Setiap rakyat di tanahair kita mempunyai hak bagi mengetahui segala akaun-akaun agensi-agensi ini melalui Parlimen. Memandangkan ini saya memohon agar pihak Kerajaan mempertimbangkan supaya kesemua agensi-agensi OBA yang kini berfungsi di bawah hak keistimewaan OBA harus ditarik balik demi kepentingan demokrasi ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, di aspek Kementerian Pelajaran dengan wang peruntukan pihak Kementerian harus menumpukan perhatian bagi membangunkan sekolah-sekolah bagi memenuhi keperluan. Prasangka tidak seharusnya lahir di kalangan kaum bukan bumiputera bahawa pihak Kerajaan sedang tidak mengambil kira dalam pembangunan atau binaan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil dan China. Bagi pengetahuan Yang Berhormat Menteri Pelajaran, SRJK (Tamil) di Segambut di Wilayah Persekutuan dan SRJK (Tamil) di Jalan Watson di Pelabuhan Kelang didapati berada dalam keadaan yang buruk. Berkenaan dengan perkara ini saya telah membangkitkan soalan ini

beberapa kali di Dewan ini serta kepada pihak Kementerian Pelajaran secara terus menerus, tetapi malangnya pihak Kementerian sedang memberikan berbagai alasan-alasan bahawa projek Sekolah Segambut berada di bawah Rancangan Malaysia Keempat serta Sekolah Jalan Watson berada di bawah projek cadangan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Bagi pengetahuan Menteri Pelajaran khususnya kedudukan bangunan sekolah-sekolah ini memerlukan tindakan serta merta untuk diperbaiki. Oleh yang demikian saya memohon pihak Kementerian supaya memberi keutamaan yang pertama dalam senarai projek-projek sekolah yang akan dibina.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan Kerajaan terhadap sektor pelancongan dalam Belanjawan ini merupakan satu galakan yang amat baik diberi perhatian bagi perkembangan sektor pelancongan serta untuk membenarkan kemasukan wang asing. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan seharusnya menimbang semula kedudukan Negeri Pulau Pinang supaya ia dijadikan sebagai "free port" sebagai satu langkah mengatasi dilema kita terhadap pengaliran wang dari negara kita ke utara dan selatan Malaysia serta bagi meningkatkan hasil pendapatan dari pelancongan yang datang dari luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan harus menambahkan peruntukan kepada Jabatan Polis Laut pada masa-masa yang akan datang supaya Jabatan ini lebih dilengkapi dengan segala kemudahan dan keperluan bagi mengawal perairan Malaysia supaya aktiviti-aktiviti jenayah seperti penyeludupan membawa berbagai jenis barang seperti dadah dan senjata serta barang-barang yang dibawa tanpa pembayaran cukai dapat dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Pusat harus mengawal rapi kegiatan-kegiatan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri terhadap segala rancangan serta aktiviti-aktiviti mereka. Pada masa kebelakangan ini pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Pulau Pinang (PDC) sedang memajukan rancangan-rancangan perumahan tanpa perancangan yang rapi seperti Rancangan Perumahan Seberang Perai serta sedang menjual rumah-rumah dengan harga yang lebih mahal jika dibandingkan dengan pihak swasta. Aktiviti-aktiviti seperti ini adalah amat bertentangan dengan konsep Kerajaan Pusat untuk menggalakkan pembentukan perbadanan-perbadanan ini, keadaan seperti ini harus diperbaiki supaya Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri berfungsi selaras dengan konsep utama mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana diketahui suatu peruntukan yang besar sedang diluluskan pada setiap tahun untuk bekalan air, jalan, jambatan, elektrik dan telefon. Saya memohon pihak Kerajaan supaya mengawasi dengan rapi segala rancangan dan projek-projek mereka. Pihak Kerajaan seharusnya mencadangkan supaya pihak LLN, JKR dan Telekom bertindak dengan lebih kolektif dalam segala perancangan mereka supaya tidak ada pembaziran wang secara tidak terkawal. Kebanyakan projek Jabatan-jabatan ini oleh kerana tidak ada perancangan yang rapi menyebabkan berlakunya masalah kepada pengguna jalan raya dan juga kepada rakyat di aspek-aspek lain.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan seharusnya merancang satu Akta bagi mengawal sektor swasta dari memeras tenaga pekerja kaum wanita dengan pemberian gaji yang amat rendah. Satu Akta gaji minima untuk kaum wanita harus ditetapkan bagi menjaminkan masa

depan mereka berasaskan kepada kenaikan kos kehidupan mereka pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan juga harus menimbangkan satu Akta bagi mengawal sewa rumah-rumah, terutama bagi bandar-bandar demi kepentingan golongan yang berpendapatan rendah di mana segolongan orang sangat ghairah untuk menaikkan kadar sewa mengikut kenafsuan mereka, maka perkara ini amat penting untuk dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan kerana ia akan membawa kesan-kesan yang baik di berbagai aspek sosial dan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan pihak Kerajaan mengurangkan perbelanjaan terhadap Kementerian Pertahanan merupakan tindakan yang tepat sekali pada masa ini. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan pada masa-masa yang akan datang harus menilaikan kedudukan politik Asia Tenggara dan ancaman anasir-anasir komunis dalam negeri, sebagai

garispanduan bagi meluluskan peruntukan kepada pihak Kementerian Pertahanan. Saya mohon agar pihak Kementerian Pertahanan supaya menggunakan wang peruntukan tahun 1985 secara berjimat-cermat berasaskan konsep kedisiplinan yang merupakan teras amalan pihak tentera.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perubahan kepada beberapa bayaran di bawah Ordinan Lalulintas tahun

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan V. Govindaraj: Saya akan menyambung ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.